



“Melaka
umpama
sebutir
permata
yang belum
digilap”

-Sulaiman
MUKA 2

SMART A+
SPM ENGLISH PAPER 1119 PAPER 1

Teknik menjawab
soalan SPM
English Paper 1119



MUKA 15

Edisi 24 | 16 November 2020 - 22 November 2020 | 30 Rabiulawal 1442H - 6 Rabiulakhir 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | www.melakahariini.my | Melakahariini

ANGKA TERKINI COVID-19
Dikemaskini setakat 13 November 2020, 12 pm

PULIH : 900

KES BAHRU : 1,304

KES KEMATIAN : 1

KES KESELURUHAN : 45,095

JANGAN AMBIL KESEMPATAN!



UMUM mengetahui kepentingan buku log daftar masuk di setiap premis digunakan bagi mengesahkan kontak rapat kes jangkitan COVID-19 selain menggunakan aplikasi MySejahtera, namun terdapat segelintir pihak mengambil kesempatan menjual buku log tersebut kepada pihak ketiga untuk mengaut keuntungan mudah. Lihat berita penuh di muka 3 & 4



Sukan
MSN Melaka
risau

MUKA 23

LOKAL

Pengusaha TASKA
nyaris gulung tikar

MUKA 9



Awas buku 'bacaan' si penjenayah

Muhd Rizanizam Abdul Hamid dan Saliawati Salberi

AYER KEROH - Penggunaan buku pendaftaran pelanggan di premis yang mengandungi data peribadi seperti nombor telefon bimbit atau kad pengenalan tanpa disedari menjadi lubuk 'harta' buat si penjenayah.

Siapa sangka, buku yang sepatutnya digunakan untuk mengesas kontak rapat kes jangkitan COVID-19, mampu menjadi sebaliknya termasuk kemungkinan besar semua data sulit itu dijual kepada pihak ketiga untuk mengaut keuntungan mudah.

Mendedahkan perkara itu Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendant Sundra Rajan berkata, masyarakat sepatutnya lebih peka dan berhati-hati ketika berkongsikan maklumat peribadi mereka walaupun hanya nombor telefon bimbit.

"Sebenarnya, cara paling selamat adalah menggunakan aplikasi MySejahtera berbanding buku atau aplikasi lain kerana MySejahtera mempunyai lapisan keselamatan yang kukuh dikendalikan kumpulan pakar."

"Kementerian Dalam

Negeri (KDN) juga telah memberi jaminan aplikasi berkenaan juga dilindungi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI) di sini baru-baru ini.

Jelas Sundra selain bimbang mengenai penularan virus, pihak polis juga berdepan cabaran lain seperti kebocoran data yang tersebar secara meluas melalui buku di premis-premis.

"Di luar sana, mungkin ada sindiket yang sudah tunggu untuk beli buku ini sebelum melakukan pelbagai penipuan 'online' seperti Macau Scam, pinjaman tidak wujud (PTW) dan macam-macam lagi.

"Walaupun data itu cuma nombor telefon bimbit, sindiket ini mereka ada cara sendiri untuk dapatkan maklumat peribadi lain.

"Sebab itu, kita harap masyarakat tidak sesuka hati berkongsi data peribadi, kecuali menggunakan aplikasi yang benar-benar dipantau pihak berkuasa seperti MySejahtera," katanya.

September lalu MHI melaporkan, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM) mengenal pasti sekumpulan

individu yang menyamar sebagai pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang cuba memanipulasi maklumat peribadi pelanggan.

Kumpulan berkenaan dikatakan mengambil maklumat pelanggan daripada buku rekod pendaftaran pelanggan (saringan kesihatan COVID-19) yang diletakkan di premis nombor rama-ram serta makanan dan mengantikan dengan sebuah buku lain.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman dipetik berkata, selain

pegawai KKM dan polis individu lain tidak mempunyai hak untuk memeriksa buku pendaftaran saringan COVID-19 yang diletakkan di premis-premis.

"JKNM ingin mengingatkan kepada semua pemilik premis agar tidak sewenang-wenangnya mendedahkan maklumat peribadi pelanggan kepada pihak lain.

"Pihak kami bimbang sekiranya tindakan itu boleh menyebabkan pelanggan menjadi mangsa penipuan scam," katanya.



SUNDRA

BUKU log daftar masuk pelanggan sebagai rekod seperti yang termaktub dalam prosedur operasi standard (SOP) perniagaan menjadi tumpuan penjenayah.

(Foto MR Azli)

Maklumat peribadi pelanggan perlu dilindungi

Saliawati Salberi

MAKLUMAT peribadi setiap individu perlu dilindungi dan tidak boleh sewenang-wenangnya didedahkan kepada umum berisiko untuk disalahgunakan pihak tidak bertanggungjawab.

Susulan pandemik COVID-19 yang melanda, setiap premis perniagaan seperti pusat membeli-belah, restoran dan kedai runcit diminta merekodkan butiran pelanggan sebagai langkah memudahkan pengesanan kontak sekiranya terdapat individu yang disahkan positif.

Sebelum aplikasi MySejahtera diperkenalkan, premis ini menggunakan buku log bagi merekodkan maklumat yang mana pelanggan perlu mengisi nama, nombor telefon serta bacaan suhu badan, bagaimanapun ia dikatakan menyumbang kepada kebocoran maklumat peribadi pelanggan.

Bagi Rohana Abu Samah, 43, maklumat peribadi seseorang tidak sepatutnya dibiarkan untuk tatapan umum kerana

pelbagai kemungkinan boleh berlaku walaupun dengan memperkenan nombor telefon bimbit.

"Saya memilih untuk menggunakan aplikasi MySejahtera berbanding mengisi secara manual dengan menulis di buku log kerana yakin maklumat peribadi selamat dan dilindungi.



MAR'AIN

"Sekiranya menggunakan buku log sesiapa sahaja boleh melihat dan mengambil nombor telefon serta nama untuk tujuan tidak baik kerana apa yang saya lihat buku-buku yang disediakan di premis hanya diletakkan begitu sahaja tanpa ada orang yang mengawasinya," katanya.

Ujarnya, buku log itu juga perlu disediakan sebagai persediaan sekiranya berlaku gang-

guan kepada aplikasi MySejahtera, tetapi wakil premis perlu memantau atau merekodkan.

Bagi Mar'a'in Fazlin Majid, 33, pula berkata, dia menyarankan kepada orang awam agar mesra MySejahtera kerana kegunaan aplikasi itu amat mudah dan segala maklumat diri tidak terdedah kepada orang yang tidak sepatutnya.

"Apabila menggunakan MySejahtera, kita hanya perlu imbas sahaja kod QR yang tertera berbanding dengan mengisi di buku log. Katakan dalam sehari kita pergi ke lima premis dan menulis di buku log berlainan, ramai individu yang sudah melihat dengan sengaja atau tidak nama dan nombor telefon kita.

"Bukan semua orang tidak bertanggungjawab dan mengambil kesempatan dengan bertindak mendedahkan maklumat peribadi individu lain tetapi ia sebagai langkah berjaga-jaga agar tidak disalahgunakan," katanya.

Sementara itu, menurut Muhammad Fahmi Farid, 19,

berkata, semua pihak perlu memainkan peranan agar maklumat peribadi pelanggan terjaga dan tidak disalah guna oleh mereka yang cuba mengambil kesempatan.

"Bagi saya ia terpulang kepada individu untuk memilih sama ada MySejahtera atau mengisi secara manual di buku log dan saya sendiri menggunakan MySejahtera.

"Tidak semua orang ada kemudahan internet jadi apabila pelanggan merekodkan secara manual, maklumat itu perlu dijaga sebaik mungkin," katanya.

Terdahulu, pada September lalu Melaka Hari Ini melaporkan, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM) mengenal pasti sekumpulan individu yang menyamar sebagai pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang cuba memanipulasi maklumat peribadi pelanggan.

Kumpulan ini dikatakan mengambil maklumat pelanggan daripada buku rekod pendaftaran pelanggan (saringan



MUHAMMAD Farid

kesihatan COVID-19) yang dilakukan di premis nombor rama-rama serta makanan dan mengantikan dengan sebuah buku lain.

MELAKA HARIINI

Scan dan layari isu semasa di www.melakahariini.my



Hanya satu laporan diterima JKNM

Saliawati Salberi

JABATAN Kesihatan Negeri Melaka (JKNM) hanya menerima satu laporan membabitkan cubaan memanipulasi maklumat peribadi pelanggan daripada buku log pendaftaran masuk di premis perniagaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, penggunaan buku log untuk mendaftar tidak lagi menjadi pilihan pelanggan ketika berkunjung ke premis kerana mereka lebih gemar menggunakan aplikasi Mysejahtera.

"Sehingga kini tiada (laporan atau aduan) hanya sekali sahaja pada September lalu selepas itu tiada lagi.



RAHMAD

"Ini kebanyakan premis sudah menggunakan aplikasi Mysejahtera termasuklah kedai di kampung-kampung berbanding pada peringkat awal yang mana hanya menyediakan buku log," katanya.

Beliau berkata, penggunaan Mysejahtera bukan sahaja memudahkan pelanggan malah data peribadi mereka tidak terdedah dan juga dilindungi oleh kerajaan.

"Walaupun Mysejahtera memudahkan tetapi penggunaan buku log tetap disediakan kerana ia pilihan pelanggan sama ada ingin mendaftar menggunakan aplikasi atau merekodkannya di buku."

"Apa yang saya dapat kebanyakan premis di negeri ini sudah menggunakan Mysejahtera bagaimanapun tidak menolak kemungkinan ada yang masih belum berbuat demikian dan sekiranya belum saya nasihati agar segera untuk mendaftar," katanya.

Buku log daftar masuk tanggungjawab pemilik premis

Liana Sahabudin

PEMILIK premis perniagaan akan didakwa, jika gagal memastikan keselamatan data peribadi pelanggan yang direkodkan dalam buku saringan kesihatan.

Pengerusi Jawatankuasa Khas COVID-19 (JKC-19) negeri, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, langkah itu dibuat agar butiran peribadi pelanggan tidak disalahgunakan individu lain, susulan terdapat kes kehilangan buku itu yang dilarikan individu yang menyamar sebagai kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, baru-baru ini.

"Jika ada individu atau pemilik premis yang menyalahgunakan butiran pelanggan, kita tidak akan lepas tangan untuk ambil tindakan, kerana setiap premis perniagaan perlu bertanggungjawab terhadap kesel-

aman data peribadi pelanggan.

"Dalam masa sama, pemilik premis perlu menyediakan ketiga-ketiga perkara ini, iaitu termometer, buku daftar masuk dan imbasan kod QR.

Katanya, pemilik premis serta orang ramai perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi membantu memutuskan rantaian pandemik COVID-19.

"Saya mohon supaya orang ramai meletakkan butiran peribadi yang diwajibkan sahaja termasuk nombor telefon bagi memudahkan Jabatan Kesihatan mengesan kontak rapat COVID-19 jika terdapat kes.

"Justeru, penggunaan buku log kehadiran dan aplikasi MySejahtera sangat digalakkan untuk mengekang penularan wabak ini," katanya lagi.



SETIAP premis perniagaan perlu bertanggungjawab terhadap keselamatan data peribadi pelanggan. (Foto MR Azli)

SOP DEEPAVALI SEMASA TEMPOH PKPP & PKPB

Upacara Sembahyang

- Tidak melebihi 30 orang pada satu-satu masa tertakluk kepada keluasan ruang Rumah Ibadat (Kuil) dengan penjaraikan fizikal.
- Manisan diagihkan secara berbungkus.
- Terus bersarul selepas selesai upacara sembahyang.

Sambutan Deepavali

- Rumah Kediaman (Landed)
 - Keluarga terdekat
 - Tidak melebihi 20 orang.
 - Rumah Kediaman (Strata)
 - Keluasan < 1500kps:
 - Tidak melebihi 10 orang.
 - Keluasan <2500kps:
 - Tidak melebihi 15 orang.

Melaksanakan Siringan suara badian di pintu masuk rumah ibadat...

Istiadat kehadiran dengan MySejahtera atau secara manual

Warga emas, pengidap penyakit kronik & kanser-kanser <12 tahun tidak digalakkan hadi

Waktu Sembahyang Di Kuil

Hari pertama : 7.00 am - 12.00 pm

- 5 sesi dengan 30 minit setiap sesi
- Operasi Sanitasi
 - 30 minit sebelum memulakan sesi bahanas;
 - Pernantau (Akta 342)
 - Pegawai-pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNN) yang dilantik.

Aktiviti jualan/perniagaan

- Hanya di premis yang DIBENARKAN oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau mana-mana pihak berkuasa lain sahaja.
- Aktiviti jualan secara atas talian (on-line) adalah DIGALAKKAN.

KAWASAN PKPD

- Upacara sembahyang di rumah ibadat adalah TIDAK DIBENARKAN.
- Sambutan DIBENARKAN sesi keluarga dalam rumah yang sama sahaja.
- Aktiviti ziarah TIDAK DIBENARKAN.
- Aktiviti jualan/perniagaan TIDAK DIBENARKAN.

INFOGRAPHIC : LIMELAJU MAIZIR / SUMBER : PASUKAN KESIHATAN NATIONALE

Majlis Kesihatan Negeri @mknpm Majlis Keselamatan Negeri (Rasmi) @mkn_rasmi



Demi tanggungjawab

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - 'Rasa bercampur-baur malah perasaan berdebar semakin kuat apabila tiba tarikh untuk berlepas ke Sabah,' itu luahan yang terangkum kemas dalam gelodak hati petugas barisan hadapan, Nurul Izzah Norizam, 33.

Dia antara 36 petugas barisan hadapan yang mewakili Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka yang menyertai mobilisasi pasukan bantuan kesihatan dan perubatan COVID-19 ke Sabah.

Nurul Izzah berkata, program mobilisasi itu adalah kali kedua disertai selepas menyertai misi sama ketika membantu aktiviti penularan Kluster Tabligh pada Mei lalu.

"Kali ini debaran itu semakin kuat terasa kerana berada di kawasan yang berisiko tinggi, namun demi tanggungjawab, insyaAllah saya akan lalui cabaran itu dengan baik bersama rakan seperjuangan yang lain," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelepasan Pasukan Mobilisasi Kesihatan Negeri Melaka ke Negeri Sabah di sini, pada 12 November lepas.

Walaupun agak sedih kerana terpaksa berjauhan dengan keluarga, namun dia bersyukur kerana suaminya, Roslan Mohamed, 37 yang bertugas sebagai tentera di Batalion ke-4 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Kem Tapah, memahami tanggungjawabnya dan sentiasa memberi sokongan.

"Buat masa ini,



"Kali ini debaran itu semakin kuat terasa kerada berada di kawasan yang berisiko tinggi, namun demi tanggungjawab, insyaAllah saya akan lalui cabaran itu dengan baik bersama rakan seperjuangan yang lain".

- Nurul Izzah

kami belum dikurniakan anak dan inilah masanya kami berdua berkorban demi membantu rakyat dan negara," katanya.

Sementara itu, dari raut wajah Pegawai Perubatan Pergigian, Dr Bong Mei Fong jelas tenang untuk berdepan dengan pesakit COVID-19 gelombang ketiga di Sabah.

"Ini bukan pertama kali saya dan pasukan pergigian dipinjamkan untuk membantu petugas barisan hadapan dalam aktiviti penularan pandemik COVID-19.

"Risiko tetap risiko namun kami sudah biasa berdepan dengan orang ramai, jadi dari segi mental dan fizikal kami sudah bersiap sedia," katanya.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman.



"Risiko tetap risiko namun kami sudah biasa berdepan dengan orang ramai, jadi dari segi mental dan fizikal kami sudah bersiap sedia".

- Dr Bong Mei Fong

4,073 permohonan rentas negeri

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Polis Melaka menerima 4,073 permohonan merentas negeri bagi melaku-

kan perjalanan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Timbalan Ketua Polis Melaka Datuk Sharul Lalli Mas-

duki berkata, permohonan itu diterima pada hari pertama PKPB (9 November) dilaksanakan di negeri ini.

"Tarikh pergerakan mer-



**SHARUL Lalli
Masduki**



PENGGUNA jalan raya melalui sekatan jalan raya di Plaza Tol Alor Gajah.

Hormati pelaksanaan PKPB

AYER KEROH - Keputusan kerajaan negeri menangguhkan Persidangan Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Keempat Belas tahun 2020 dilihat sebagai menghormati keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 9 November hingga 6 Disember 2020.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh ketika mengulas mengenai perkara tersebut menjelaskan, di samping menghormati keputusan PKPB, ia juga memberi peluang negeri ini memperbaiki prosedur operasi standard (SOP) COVID-19.

"Saya melihat bagi memperhalusi dan mengambil langkah awal untuk kita teruskan sidang DUN, adalah lebih baik dapat kita perincikan kaedahnya.

"Kerana tarikh arahan dikeluarkan MKN dan tarikh sidang DUN hanya berada dalam tempoh 24 jam, jadi lebih baik kita terima SOP COVID-19 terkini, seperti yang diminta MKN," katanya, dipetik oleh RTM.

Pembentangan Belanjawan Melaka 2021 yang sepatutnya berlangsung dalam Sidang DUN Melaka pada 9 November lalu ditangguhkan ke 9 Disember depan susulan pengumuman PKPB di seluruh Semenanjung kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan.



AB. Rauf

Inisiatif bantu belia Melaka miliki rumah sendiri

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Kerajaan Negeri menyediakan tiga inisiatif terbaru bagi membantu belia di Melaka memiliki rumah sendiri.

Pengerusi Jawatankuasa NGO, Pembangunan Belia dan Sukan negeri Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen berkata, antara inisiatif yang dilakukan merancang pembinaan rumah transit belia, projek perumahan belia dan program perumahan belia.

Jelasnya, untuk mereali-

sasikan inisiatif tersebut satu jawatankuasa baharu telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Perumahan Belia Negeri Melaka yang akan dipengerusikannya sendiri.

"Program rumah transit belia kita saraskan agar seawal tahun depan kita sudah memulakannya. Program rumah transit ini antara lain ialah berbentuk rumah sewa dengan harga yang murah untuk membantu golongan belia," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Post Exco NGO, Pembangunan Belia dan Sukan

Negeri Melaka, baru-baru ini.

Mohd Rafiq berkata, bagi projek perumahan belia, ia merupakan sebuah projek perumahan yang khas didirikan untuk golongan belia sepenuhnya di negeri ini.

Buat masa ini, jelasnya, projek perumahan fasa pertama perumahan belia sudah dimulakan prosesnya yang akan dibangunkan di kawasan Tanjung Minyak.

"Kita yakin selepas ini akan ada lebih banyak projek perumahan belia dibangunkan di kawasan-kawasan lain di negeri ini.

"Apa yang pasti, bagi projek perumahan belia, kita merancang untuk mewujudkan satu konsep rekanan terbaharu yang lebih baik, moden dan paling penting ialah harganya berpatutan berbanding rekaan sebelum ini," ujarnya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai program perumahan belia, Mohd Rafiq me-

ntas negeri yang dimohon berbeza dalam tempoh PKPB selama sebulan," katanya ketika ditemui pemberita selepas meninjau sekatan jalan raya (SJR) di Plaza Tol Ayer Keroh, di sini pada 10 November lepas.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendant Arshad Abu.

Dalam pada itu, beliau berkata dalam tempoh 8 April sehingga 9 November 2020, pihaknya mengeluarkan sebanyak 2,195 kompaun kepada orang ramai yang gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Bagaimanapun katanya, daripada jumlah itu seramai 14 individu telah dikompaun atas ketidakpatuhan SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengikut Peraturan 10

di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit Berjangkit 2020 (Akta 342).

Ketika ditanya mengenai kekeliruan negeri ini dibenarkan merentas daerah, Sharul Lalli berkata berikut:

"Hadir sama, Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendant Arshad Abu.

Dalam pada itu, beliau berkata dalam tempoh 8 April sehingga 9 November 2020, pihaknya mengeluarkan sebanyak 2,195 kompaun kepada orang ramai yang gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Bagaimanapun katanya, daripada jumlah itu seramai 14 individu telah dikompaun atas ketidakpatuhan SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengikut Peraturan 10

Majlis Keselamatan Negara (MKN), tetapi dalam pada masa sama orang ramai dibenarkan berada di atas jalan raya termasuk bagi orang ramai yang dibenarkan bekerja serta kes kecemasan dibenarkan bergerak.

"Oleh kerana negeri ini mempunyai jalinan jalan yang banyak, kita bukanlah membenarkan (pergerakan merentas daerah) secara 'total' tetapi hanya mereka yang dibenarkan berada di jalan raya sahaja boleh bergerak, yang lain dinasihatkan untuk berada di rumah," katanya.

PKPB: MPAG beri amaran keras kepada peniaga ingkar

REMBIA - Jangan beroperasi melebihi 10 malam atau tindakan tegas akan diambil.

Itu amaran Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) kepada pemilik kedai atau restoran di daerah Alor Gajah sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 9 November hingga 6 Disember depan.

Yang Dipertua Mohd Fadhil Hassan berkata, pihaknya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan sekiranya mendapati terdapat peniaga yang cuba mengingkari arahan tersebut.

"Buat masa ini kita belum jumpa lagi peniaga atau pemilik premis yang ingkar. Dalam tempoh beberapa hari PKPB ini kita hanya mengesan kesalahan-kesalahan kecil seperti tidak mencatat nama pelanggan dan tidak mengambil suhu.

"Buat masa ini untuk kesalahan kecil kita hanya memberi arahan dan peringatan terlebih dahulu. Yang paling penting ialah mereka



MOHD FADHIL

perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) iaitu menjalankan perniagaan dari jam 6 pagi hingga 10 malam sahaja.

"Jika didapati ada yang ingkar dengan menjalankan perniagaan melebihi waktu ditetapkan, kita akan bersama-sama pihak polis untuk mengambil tindakan termasuklah mengeluarkan kompaun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan Deepavali kepada pekerja dan Ahli Majlis MPAG yang beragama Hindu, sebentar tadi.

WAKTU SOLAT

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16 NOVEMBER 2020 5.44 am	6.56 am	12.58 pm	4.20 pm	6.58 pm	8.10 pm
17 NOVEMBER 2020 5.45 am	6.56 am	12.59 pm	4.21 pm	6.58 pm	8.10 pm
18 NOVEMBER 2020 5.45 am	6.57 am	12.59 pm	4.21 pm	6.58 pm	8.11 pm
19 NOVEMBER 2020 5.45 am	6.57 am	12.59 pm	4.21 pm	6.58 pm	8.11 pm
20 NOVEMBER 2020 5.45 am	6.57 am	12.59 pm	4.22 pm	6.58 pm	8.11 pm
21 NOVEMBER 2020 5.45 am	6.57 am	1.00 pm	4.22 pm	6.59 pm	8.12 pm
22 NOVEMBER 2020 5.45 am	6.58 am	1.00 pm	4.22 pm	6.59 pm	8.12 pm

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

16 November - 22 November 2020 (30 Rabiulawal 1442H - 6 Rabiulakhir 1442H)

II Apa yang pasti, bagi projek perumahan belia, kita merancang untuk mewujudkan satu konsep rekanan terbaharu yang lebih baik, moden dan paling penting ialah harganya berpatutan berbanding rekaan sebelum ini. II

Potongan 50 peratus buat orang Melaka

Melakan Visit Melaka Packages

"Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggarnit Dunia"

50% off
Exclusive for **MELAKAN**

BECOME A RIDER FROM RM15.00

TERMS & CONDITIONS

TERMINATION OF CONTRACTS AND CANCELLATION OF BOOKINGS
TERMINATION OF CONTRACTS AND CANCELLATION OF BOOKINGS
TERMINATION OF CONTRACTS AND CANCELLATION OF BOOKINGS
TERMINATION OF CONTRACTS AND CANCELLATION OF BOOKINGS

Muat Turun Melaka eXcess: Melaka The Guide:

QR codes for eXcess and Melaka The Guide

TOURISM PROMOTION DIVISION
Ministry of Tourism & Culture
Jalan Chai Cheong 1, Desa Bandar
75000 Melaka, Malaysia
Tel: +606-222 0402 Fax: +606-222 0007
Email: melakahariini@tourism.gov.my

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Tourism Melaka mengaktifkan semula sektor pelancongan Negeri Melaka dengan melancarkan Kempen Promosi 'Melakan Visit Melaka Packages 2020' bagi menggalakkan orang Melaka melancong di negeri ini.

Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Saari Basiron berkata, kempen itu disediakan khas untuk orang Melaka yang mempunyai kad pengenalan 04 atau 30 serta yang beralamat di Melaka.

"Orang Melaka dapat menikmati tempat-tempat tarikan pelancongan dengan kadar diskaun sebanyak 50 peratus berbanding harga biasa yang ditawarkan.

Terdapat 18 pengusaha produk-produk pelancongan yang turut serta dalam kempen ini dan ianya sah sehingga 31 Disember 2020.

"Terima kasih atas kerjasama dan sokongan semua penggiat industri pelancongan Negeri Melaka dalam menjayakan kempen ini. Let's Dream Now & Travel Later," katanya.


Bagaimanapun, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan di mana hanya dua penumpang dibenarkan dalam satu kenderaan.

"Walaupun melancong orang ramai dinasihatkan terus mematuhi SOP yang ditetapkan," katanya lagi.

Terdahulu kempen tersebut telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali pada Ahad lalu di Kafe Stadthuys Banda Hilir pada 8 November lepas.

AYER KEROH RIVER CRUISE TEL: 06-2624488 Adult: RM12.00 Child: RM9.00 Senior Citizen: RM10.00 (Applies to Monday - Thursday)	ZOO MELAKA TEL: 06-2504056 Adult: RM12.00 Child: RM8.00 Senior Citizen: RM8.00 (Applies to Monday - Thursday)	MELAKA CORPORATION BERHAD TEL: 06-2621267 Adult: RM12.00 Child: RM8.00 Senior Citizen: RM8.00 (Applies to Monday - Thursday)
BUKIT BATU LEBUR ECOVILLAGE TEL: 06-2183102 Adult: RM10.00 Child: RM6.00 Senior Citizen: RM6.00	MELAKA INTERNATIONAL BOWLING CENTRE TEL: 06-2681877 2 Games: RM20.00 3 Games: RM25.00 4 Games: RM30.00 Lunch: RM15.00	GHOST MUSEUM MELAKA TEL: 06-2811867 Adult: RM16.00 Child: RM8.00 Senior Citizen: RM8.00
MAGIC ART MUSEUM TEL: 06-2183089 Adult: RM10.00 Child: RM5.00 Senior Citizen: RM5.00	UPSIDE DOWN HOUSE TEL: 06-2622882 Adult: RM10.00 Child: RM5.00 Senior Citizen: RM5.00	WELCOME TO THE SHORE SKY TOWER TEL: 06-2681867 Adult: RM15.00 Child: RM10.00 Senior Citizen: RM10.00
F1 EXPERIENCE TEL: 06-9444898 Adult: RM10.00 Child: RM5.00 Senior Citizen: RM5.00	JOHN PORKY'S TEL: 06-2620009 Adult: RM6.00 Child: RM3.00 Senior Citizen: RM3.00	KINGS AVENUE WATER THEME PARK TEL: 06-2681877 Adult: RM15.00 Child: RM10.00 Senior Citizen: RM10.00
BIO SILVER SKAMIAN WATER THEME PARK TEL: 06-2681877 Adult: RM10.00 Child: RM5.00 Senior Citizen: RM5.00	TROPICAL FRUIT FARM TEL: 06-2171936 Adult: RM4.00 Child: RM2.00 Senior Citizen: RM2.00	MINHALAYA ASIA CULTURAL PARK TEL: 06-2641888 Adult: RM10.00 Child: RM5.00 Senior Citizen: RM5.00
MALACCA FIREWORKS TEL: 06-2681877 Adult: RM10.00 Child: RM5.00 Senior Citizen: RM5.00	BEACH MELAKA KEDAI TEL: 06-2622882 Adult: RM10.00	

PKPB: Cabaran buat Zoo Melaka



ZOO Melaka antara yang tersenarai dalam Kempen Promosi Paket Melakan Visit Melaka. (Foto Sumber Facebook Zoo Melaka & Taman Burung).

AYER KEROH - Zoo Melaka merekodkan lebih 95 peratus penurunan kedatangan pelancong rentetan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman berkata, ia jelas menunjukkan kebimbangan masyarakat akibat penularan virus COVID-19 yang melanda negara.

"Sekarang hanya dua individu dibenarkan dalam satu kenderaan, ini kekangan yang kita hadapi dan ternyata kehadiran pelancong ke Zoo Melaka berkurangan (akibat SOP COVID-19).

"Ini amat merisaukan saya bukan sahaja di Zoo Melaka, tetapi

produk pelancongan di sekitar kawasan Ayer Keroh yang turut terkesan," katanya kepada MHI.

Katanya, walaupun pengoperasian Zoo Melaka berjalan seperti biasa, namun segala prosedur operasi standard (SOP) sentiasa dipatuhi.

"Jumlah kemasukan dalam satu-satu masa tidak boleh beramai-ramai, pengunjung mesti patuhi SOP memakai pelitup muka termasuk cecair pembasmi kuman yang kita sediakan.

Zoo Melaka juga membuat sanitasi tiga kali sehari bagi memastikan pengunjung yang datang dalam keadaan selamat sejak mula beroperasi pada April lalu," katanya lagi.

|| Jumlah kemasukan dalam satu-satu masa tidak boleh beramai-ramai, pengunjung mesti patuhi SOP memakai pelitup muka termasuk cecair pembasmi kuman yang kita sediakan. ||

RM4.5juta bangunkan PPK luar bandar

Faiz Hasan

TABOH NANING - Kira-kira RM4.5 juta diperuntukkan bagi membina Pusat Pembangunan Komuniti (PPK) yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bagi menunjang keperluan setempat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof berkata, PPK yang bakal dibangunkan di Pulau Sebang itu akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam termasuk gelanggang badminton dan futsal serta bilik bimbingan dan asrama.

Menurutnya, inisiatif menerusi cadangan Persatuan Pengikut Dewi Sri Maha Mariamman Pulau Sebang itu mampu menyediakan kemudahan asas untuk memberikan pembangunan dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan kepada penduduk setempat di kawasan luar bandar itu.

"Saya menghargai usaha persatuan ini yang telah berjaya mendapatkan tanah kerajaan seluas 3,702 meter persegi (0.91 ekar), Mukim Pulau Sebang pada 2018."

"Sekiranya projek ini berjaya dilaksanakan, ia akan meningkatkan kemudahan dan keselesaan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar ini."

"Selain, projek ini yang terletak di kawa-

san penempatan baru yang belum terdapat sebarang kemudahan Pusat Pembangunan Komuniti (PPK) akan menampung keperluan penduduk setempat di kawasan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapannya merasmikan Majlis Pelancaran Pembinaan PPK dan Mesyuarat Agung (AGM) Persatuan Pengikut Dewi Sri Maha Mariamman di Resort Main Club House, A'Famosa Resort, di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurutnya, pembangunan terbabit seiring dalam memajukan pembangunan luar bandar yang seiring dalam pembangunan modal sosial yang terdapat dalam teras strategik tujuh Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030).

Jelasnya, modal sosial yang merupakan usaha kerajaan untuk mengukuhkan penglibatan rakyat dalam aktiviti kemasyarakatan yang akan meningkatkan tahap keyakinan rakyat terhadap institusi masyarakat dan negara.

"Modal Sosial ini juga merujuk kepada pengembangan peranan anak muda dalam masyarakat."

"Ia juga menerusi pembincangan tentang naratif nasional, naratif baharu Melayu dan penerapan nilai perpaduan dalam kalanjan rakyat yang berbilang kaum dan agama termasuk dalam usaha membangunkan modal sosial yang kukuh di negara ini," katanya.



MOHD Redzuan (tengah) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penduduk selepas merasmikan Majlis Pelancaran Pembinaan PPK dan Mesyuarat Agung (AGM) Persatuan Pengikut Dewi Sri Maha Mariamman di Resort Main Club House, A'Famosa Resort, baru-baru ini.

Jasa 'frontliners' dihargai

TABOH NANING - "Mereka begitu bersusah payah berpanas di bawah mentari, berbasah kuyup dihujani air demi menyelamatkan negara, saya tak mampu buat seperti mereka", kata Rosman Mohd Zin, 59.

Rosman merupakan antara ahli perniagaan yang didapati menyampaikan bantuan kepada petugas barisan hadapan di beberapa lokasi sekitan jalan raya (SJR) susulan Perintah Ka-

walan Keselamatan Bersyarat (PKPB) di negeri ini.

Jelas Rosman, situasi 'frontliners' yang sanggup berkhidmat dibawah cuaca ekstrem, mendorong dia melakukan usaha murni itu yang diilhamkan isterinya.

"Saya pernah melihat pihak polis dan askar yang ditugaskan menjaga SJR berbasah kuyup di dalam hujan dan rasa simpati itu sendiri muncul dengan situasi itu.

"Mereka bersusah payah

demi kita, malah sanggup menghadapi liku-liku bahaya yang tidak diduga sepanjang berkhidmat di lokasi SJR.

"Saya dan isteri cuba membantu sedaya yang mungkin, kalau nak ditugaskan seperti mereka saya memang tak mampu," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini di Plaza Tol Simpang Ampat, di sini pada 11 November lepas.

Rosman menetap di Ampang, Kuala Lumpur akan berulang ke Melaka se-

tiap hari ditemani isteri bagi urusan perniagaan yang perlu dilaksanakannya.

Katanya, dan setiap kali menempuh perjalanan ke lokasi, dia dan isteri akan cuba membantu sebaik yang mungkin, jika melalui mana-mana SRJ.

Jelasnya, antara front-

liners yang pernah dibantu termasuk di Seremban, Negeri Sembilan, Kedah dan Kuantan, Pahang.

"Mana-mana pihak yang bersimpati kepada perkara ini marilah sama-sama kita membantu mereka kerana perkara ini kita perlu bersama bagi membendung

penularan wabak ini.

"Terima kasih kepada pejuang-pejuang barisan hadapan dalam membendung penularan ini dan semoga terus berkhidmat dengan penuh komited dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi memerangi penyakit ini," katanya.

Lebuh raya PLUS lengang



Gambar : MR. AZLI

PERGERAKAN aliran trafik di Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) agak lengang pada waktu tengah hari ketika tinjauan di Jalan UTeM, Durian Tunggal pada 9 November lepas. Kenderaan berkurangan susulan sekatan jalan raya yang dijalankan pada jam 8 pagi bagi mengelakkan orang ramai yang tidak mempunyai kebenaran, melakukan perjalanan rentas negeri melibatkan kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).



ROSMAN menyampaikan makanan dan minuman sebagai penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertugas pada SJR disepanjang PKPB.

COVID-19: Malaysia perlu kaji sebelum perolehan vaksin

PUTRAJAYA - Malaysia perlu mengkaji data ujian klinikal fasa ketiga terlebih dahulu sebelum membuat sebarang komitmen berhubung perolehan vaksin COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata - belum lagi meneliti laporan ujian klinikal tersebut dari segi keselamatan dan keberkesanan.

"Kami (Kementerian Kesihatan Malaysia) sedang meneliti butiran terbabit. Ketika ini terdapat 11 vaksin COVID-19 dalam fasa ujian klinikal," katanya kepada pemberita pada sidang media perkembangan COVID-

19 di Kementerian Kesihatan (KKM) di sini pada 10 November lepas.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada Malaysia masih menunggu selepas Pfizer Inc melaporkan bahawa vaksin COVID-19 keluarannya, yang dibangunkan bersama rakan kongsi syarikat itu dari Jerman, BioNTech SE, adalah lebih 90 peratus berkesan dalam mencegah jangkitan COVID-19.

Dr Noor Hisham turut melahirkan kebimbangan kemungkinan mutasi virus COVID-19 menyebabkan bekas pesakit COVID-19 dijangkiti semula dan perkembangan ini boleh memberi

kesan kepada vaksin yang dibangunkan.

"KKM juga bimbang ada dilaporkan mutasi berlaku contohnya di ladang penternakan mink di Denmark. Ada kes mutasi berlaku jangkitan dalam kalangan haiwan dan kesannya kita tidak tahu lagi," katanya sambil menambah kementerian itu akan terus menggunakan kaedah kesihatan awam kerana ia menunjukkan kejayaan mengawal penularan penyakit berjangkit contohnya Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan COVID-19 yang tiada vaksin sehingga hari ini.- BERNAMA



KEMUNGKINAN mutasi virus COVID-19 menyebabkan bekas pesakit COVID-19 dijangkiti semula dan perkembangan ini boleh memberi kesan kepada vaksin yang dibangunkan. (Foto Sumber Internet).

Penemuan vaksin COVID-19 beri isyarat krisis akan berakhir

KUALA LUMPUR - Pembangunan vaksin COVID-19 oleh Pfizer Inc dan BioNTech SE mengisyaratkan kemungkinan pengakhiran bagi pandemik sudah semakin jelas dan bakal mendorong pelabur untuk mengambil keuntungan ke atas saham-saham benefisiari, kata CGS-CIMB Securities Sdn Bhd.

Menurut CGS-CIMB, saham-saham itu mempunyai prestasi harga saham yang baik dari tahun ke tarikh, tetapi pelabur berkemungkinan beralih kepada pelaburan pemulihan COVID-19 seperti bank, syarikat penerbangan, lapangan terbang, peruncit, permainan dan media, memandangkan harga saham terjejas dengan ketara semasa sekatan pergerakan.

"Dalam separuh kedua nota strategi 2020 kami, kami telah menggerakkan tema pemulihan COVID-19 dan menasihatkan pelabur untuk mula mengumpul saham dalam sektor ini kerana penilaian yang menarik dan jangkaan pemulihan pendapatan, pasca pandemik pada 2021," katanya dalam satu nota penyelidikan baru-baru ini.

Firma broker saham itu berkata Pfizer dan BioNTech mengumumkan bahawa vaksin mereka memiliki ke-

san melebihi 90 peratus untuk mencegah COVID-19.

Bagaimanapun, walau pun penemuan vaksin tersebut merupakan perkembangan yang positif, beberapa persoalan dan kebimbangan tetap kekal termasuk sama ada vaksin ini boleh mencegah penyakit atau komplikasi yang kritikal, berapa lama ia akan melindungi daripada jangkitan dan kesannya terhadap warga tua.

"Berdasarkan unjuran semasa, syarikat-syarikat berkenaan mungkin mampu menghasilkan sehingga 50 juta dos vaksin di peringkat global pada 2020 dan sehingga 1.3 bilion dos menjelang 2021," katanya.

Sementara itu, CGS-CIMB berkata sektor permainan, syarikat penerbangan, lapangan terbang, REIT, media, bank, hospital, minuman keras, tembakau termasuk sektor minyak dan gas berpotensi untuk kembali melonjak apabila kes COVID-19 di peringkat global mula menurun atau vaksin dibangunkan.

Katanya, syarikat yang akan mendapat manfaat daripada pembukaan semula sempadan antarabangsa termasuk Genting Bhd, Genting Malaysia Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd, IGB

Real Estate Investment Trust, IHH Healthcare Bhd dan KPJ Healthcare Bhd, disebabkan oleh kedatangan pelancong yang lebih tinggi.- BERNAMA



PFIZER dan BioNTech mengumumkan bahawa vaksin mereka memiliki kesan melebihi 90 peratus untuk mencegah COVID-19. (Gambar sumber Nikkei Asian Review)



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

COVID-19
KAMPANYE VAKSINASI

SEGERA DAPATKAN RAWATAN

Jika anda mempunyai gejala berikut:

SEKURANG-KURANGNYA ADA 2 GEJALA BERIKUT:

- Demam
- Sakit kepala
- Hidung tersumbat
- Selesma
- Sakit tekak
- Muntah atau loya
- Mengigil
- Kelesuan
- Kejang otot
- Cirit-birit

SALAH SATU DARIPADA GEJALA BERIKUT:

- Batuk
- Sesak nafas
- Sukar bernafas
- Tiba-tiba hilang deria bau
- Tiba-tiba hilang deria rasa

DAN anda

1. Pernah kunjungi kawasan kluster COVID-19 dalam masa 14 hari **ATAU**
2. Pernah kunjungi zon merah COVID-19 dalam masa 14 hari **ATAU**
3. Pernah kunjungi / pulang dari luar negara dalam masa 14 hari **ATAU**
4. Mempunyai kontak dengan kes positif dalam masa 14 hari

JANGAN BERLENGAH LAGI
SEGERA DAPATKAN RAWATAN

#JanganLekaDanAlpa



Malah la nak pergi hospital... demam selesma sikit je ni!

INFOGRAFIK : MELAKA HARI INI

Solat berjemaah di masjid dibenarkan

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA - Umat Islam di negeri ini dibenarkan menunaikan solat fardu berjemaah dan solat Jumaat di masjid meskipun Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan selama empat minggu mulai 9 November hingga 6 Disember 2020.

Kebenaran itu diberikan Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil melalui kenyataannya pada 8 November lepas.

Bagaimanapun, jemaah

diingatkan supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti mengambil wuduk di rumah, solat dalam keadaan jarak satu meter dan memakai pelitup muka.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka berkata, kelas takmir, kuliah subuh, kelas ilmu berskala kecil dan majlis bacaan surah Yassin pada malam Jumaat juga dibenarkan berjalan seperti

biasa.

"Bagaimanapun, ceramah Maulidur Rasul dan ceramah jemputan rentas negeri dan dalam negeri yang berskala besar ditangguhkan sepanjang tempoh PKPB dilaksanakan," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Selain itu, Jabatan Mufti juga tidak membenarkan jamuan makan selepas kelas takmir atau bacaan surah Yassin, sebaliknya jemaah hanya dibenarkan membawa pulang makanan disediakan di masjid atau

surau.

Mengenai urusan pernikahan di masjid dan surau, ia tertakluk kepada bidang kuasa Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Pendaftar Perkahwinan Daerah masing-masing, katanya.

Jabatan berkenaan mengeluarkan arahan masjid dan surau ditutup berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac hingga 11 Jun lalu.

Bagaimanapun, solat berjemaah dibenarkan se-

mula di semua masjid dan surau pada 12 Jun lalu berikut pelaksanaan PKPB.

Selain itu, Jabatan Mufti Melaka membenarkan orang ramai kembali melakukan aktiviti keagamaan yang lain, terutama kelas takmir.

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Seri Dr. Hassim Hassan dilaporkan berkata, semua pengajuran majlis dan acara rasmi kerajaan negeri yang berskala besar, termasuk perarakan sempena Maulidur Rasul pada 29 Oktober lalu



ABDUL Halim

ditangguhkan berikut peningkatan kes positif COVID-19 di negeri ini.

Pengusaha TASKA nyaris gulung tikar

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KLEBANG - Pengusaha taman asuhan kanak-kanak (TASKA) di negeri ini dapat menarik nafas lega apabila Kerajaan Negeri Melaka menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri memberi kebenaran mereka beroperasi selepas mendapat kebenaran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Presiden Persatuan Pengasuh Negeri Melaka Kenneth William John berkata, keputusan pantas itu nyata menunjukkan keprihatinan tinggi kerajaan negeri yang dipimpin Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali yang bukan sahaja mengambil berat terhadap pengusaha TASKA bahkan turut mengambil kira kesusahan ibu bapa yang perlu keluar bekerja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Terus-terang pada mulanya saya sudah mula risau, tetapi bila diumumkan kerajaan negeri, kita memang bersyukur sangat. Bukan sahaja pengusaha TASKA berasa lega, ibu bapa juga sama."

"Pada saya tidak logik untuk menutup operasi TASKA kerana sama ada suka atau tidak, TASKA merupakan antara sektor perkhidmatan penting. Bayangkanlah, sepanjang PKPB, ekonomi masih berjalan, jadi di mana ibu bapa mahu menghantar anak-anak mereka?

"Satu jalan sahaja yang mereka ada iaitu menghantar kepada pengasuh tidak berdaftar atau jiran terdekat mereka. Tetapi adakah anda yakin mereka tidak akan risau? Saya percaya mereka akan lebih sukar untuk fokus di tempat kerja dalam situasi itu."

"Jadi, kita sangat berterima kasih kepada kerajaan negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana begitu prihatin dengan nasib rakyat. Boleh dikatakan Melaka menjadi antara negeri terpantas memberikan kebenaran ini," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Mengulas lanjut, beliau berkata, pengumuman tersebut juga dapat mengelakkkan kira-kira 30 peratus pengusaha di negeri ini

daripada gulung tikar sekiranya TASKA tidak dibenarkan beroperasi sehingga awal bulan depan.

"Bila dengar sahaja pengumuman TASKA diarahkan tutup, ramai pengusaha mengadu kepada saya dan ada diantara mereka mendakwa kehilangan pelanggan apabila ada ibu bapa memilih untuk menghantar anak mereka kepada pengasuh tidak berdaftar jika TASKA tidak beroperasi."

"Di Melaka sahaja kita ada kira-kira 110 TASKA berdaftar di bawah JKM yang mana saya percaya jika tiada kebenaran beroperasi lebih 30 peratus pengusaha akan gulung tikar kerana terus terang ekonomi pengusaha kini semakin merudum," ujarnya.

Sementara itu, pengusaha TASKA Iman Mutiara di Taman Nirwana, di sini turut merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri yang memberi nyawa kedua kepada pengusaha seperti untuk meneruskan operasi seperti biasa.

Noramizah Ahmad, 49 berkata, sejak wabak COVID-19 melanda,



GELAGAT anak-anak belajar pendidikan awal di TASKA Iman Mutiara.

ramai pengusaha yang terkesan apabila perniagaan mula merudum dan ada yang terpaksa ditutup kerana tidak mampu lagi menanggung kos yang tinggi.

Justeru, apabila ia dibenarkan beroperasi dengan syarat perlu mendapat kebenaran JKM, dia yang sudah 12 tahun mengusahakan TASKA tidak menunggu lama untuk membuat permohonan dan beroperasi seperti biasa.

"Boleh dikatakan kebanyakan

anak-anak yang dihantar ke taska ini merupakan anak petugas barisan hadapan. Jadi, bukan kami sahaja yang lega, tetapi ibu bapa juga gembira dengan keputusan tersebut."

"Tidak tahu bagaimana untuk saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Menteri dan semua yang terlibat dengan keputusan ini. Saya berharap akan ada sinar untuk semua pengusaha TASKA di masa akan datang," katanya.

"Terhidu gas ammonia amat menakutkan"

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA - "Tidak pernah saya alami terlalu susah untuk bernafas sebelum ini dan pengalaman terhidu gas ammonia yang bocor amat menakutkan."

"Sejurus selepas keluar tandas saya terhidu gas yang amat kuat dan pandangan menjadi tidak jelas kerana dipenuhi asap tetapi gagahkan diri untuk segera keluar dari tandas," kata Siti Rohani Senin, 54.

Beliau berkata, ketika mencari pintu keluar, beliau dapati kilang sudah kosong kerana kebanyakan pekerja sudah melarikan diri keluar

dan ketika itu beliau merasa sangat dadanya amat sakit serta sukar untuk bernafas.

Siti Rohani berkata, dalam keadaan pening dan hampir pitam itu, dia terpaksa melangkah sambil berpaut pada dinding dan beberapa pekerja yang turut bergegas keluar dari kilang untuk menyelamatkan diri masing-masing.

Pengalaman pahit dan menakutkan itu dilaluinya dalam kejadian gas ammonia bocor di kilang memproses ayam di Kawasan Perindustrian Masjid Tanah, Pengkalan Balak dekat sini pada 2 November lalu.

Dalam kejadian itu, Siti

Rohani yang sudah 20 tahun bekerja di kilang berkenaan terpaksa dikejarkan ke Hospital Melaka kerana menghadapi kesukaran bernafas akibat terhidu gas berkenaan.

Menjelaskannya, beliau berkata, dalam keadaan mencungap, dia duduk di

luar kilang bersama-sama puluhan pekerja yang lain sebelum anak saudara lelakinya yang turut bekerja di kilang itu menghubungi anaknya, Hafifi, 22, agar segera datang ke kilang untuk membawanya ke Klinik Masjid Tanah, di sini.

"Anak saya segera mem-

bawa saya ke klinik itu dan kemudiannya petugas di klinik itu membawa saya dengan ambulans ke Hospital Melaka kerana saya amat sukar bernafas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menerima kunjungan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara, Datuk Md Rawi Mahmud dan rakan sekerjanya di kediannya di Kampung Padang Kemunting, Masjid Tanah dekat sini baru-baru ini.

Ibu lapan anak itu berkata, beliau hanya berserah kepada Allah sepanjang berada di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Melaka dari 2 November hingga Jumaat

lalu.

Bagaimanapun, Siti Rohani amat bersyukur kerana dizinkan Allah untuk sembuh daripada kesengsaraan itu selepas empat hari dirawat di hospital berkenaan sebelum dibenarkan pulang pada petang 6 November lalu (Jumat).

Sementara itu, Md Rawi ketika menyampaikan sumbangan kepada Siti Rohani berkata, beliau difahamkan, kebocoran gas itu berpunca daripada kerja penyelenggaraan dilakukan beberapa pekerja yang menyebabkan berpuluh-puluh pekerja terpaksa bergegas keluar dari kilang.

Sejurus selepas keluar tandas saya terhidu gas yang amat kuat dan pandangan menjadi tidak jelas kerana dipenuhi asap tetapi gagahkan diri untuk segera keluar dari tandas.

PKPB: Peniaga beroperasi seperti biasa

Din Ahmad

MASJID TANAH - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 9 November lalu dijangka tidak menyebabkan penyusutan perolehan ketara peniaga kerana perniagaan berjalan seperti biasa.

Mereka sudah bersedia menghadapi PKPB kali ini kerana pernah melaluinya dari Jun hingga Ogos lalu. Jamaludin Hamzah, 58, berkata

perniagaan makanan dan minuman yang dijalankan di Jalan Masjid Tanah-Pengkalan Balak sejak tiga tahun lalu akan beroperasi seperti biasa meskipun PKPB dikuatkuasaan.

Beliau berkata, pengalaman berniaga ketika PKPB dilaksanakan selama dua bulan mulai Jun lalu memberikan iktibar, pelanggan yang mendapatkan pesanan makanan dan minuman melalui kaedah bungkus

melebihi yang makan di warung.

"InsyaAllah jumlah pelanggan tidak akan susut banyak kerana masih ada pelanggan yang boleh makan di warung dan ada juga yang membelinya secara bungkus."

"Belig juga yang membelinya secara pesanan pembayaran ketika penghantaran (COD) yang dijangka bertambah berbanding yang datang sendiri di warung," katanya ketika ditemui di warungnya baru-baru ini.

Beliau berkata, PKPB sekurang-kurangnya lebih longgar berbanding Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan dari 18 Mac hingga 11 Jun lalu yang menyaksikan warungnya tidak beroperasi sepanjang tempoh berkenaan.

"Walapun pelanggan yang hadir untuk makan dan minum di warung semasa PKPB berkurangan, sekurang-kurangnya masih ada yang datang untuk membelinya secara bungkus," katanya.

Amieza Senin, 36, berkata perniagaannya beroperasi seperti biasa tetapi beliau menjangka jumlah pelanggan yang hadir di warung akan mengalami penyusutan tidak ketara.

"Tidak ramai pelanggan yang mahu duduk di warung jika PKPB dilaksanakan seperti yang belaku semasa PKPB sebelum ini tetapi jumlah pelanggan yang membeli secara



JAMALUDIN menyediakan mi kari di warungnya di Jalan Masjid Tanah-Pengkalan Balak.

bungkus dijangka bertambah.

"Sekurang-kurangnya kami masih dapat berniaga dan ia jauh lebih baik daripada langsung tiada peluang untuk berniaga semasa PKP dilaksanakan sebelum ini," katanya ketika ditemui di warungnya di Pantai Puteri, Tanjung Kling.

Mohd Ali Kamarudin, 56, berkata meskipun agak bimbang dengan pelaksanaan PKPB yang dijangka menyebabkan penurunan jumlah pe-

langgan, beliau yakin perniagaannya masih mampu bertahan.

"Saya masih boleh berniaga walaupun PKPB dilaksanakan tetapi hanya dua pelanggan bagi satu meja dan ia tetap memberikan pulangan kepada saya," katanya di warungnya di pekan Lubok Cina.

Sehubungan itu, beliau berdoa agar PKPB hanya dilaksanakan selama sebulan dan tidak dilanjutkan selepas itu.



AMIEZA menyiapkan ikan di warungnya di Pantai Puteri, Tanjung Kling.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
06 - 286 5120
Untuk Harga Jualan (RM 300 perunit) - RM 600 perunit
Email: wira@wira.com.my

Kemudahan

Pelan Lantai

Jenis A (Tengah) : 1,000+ (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air) Jenis A2 (Hujung) : 1,000+ (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)
Jenis A1 (Tengah) : 1,000+ (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air) Jenis A3 (Hujung) : 1,000+ (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)



NIKMATI GAYA HIDUP LENKAP DAN KONDUSIF SERTA PERSEKITARAN LESTARI

Residensi @ BUKIT KATIL merupakan sebuah projek pembangunan baru di Bukit Katil, Melaka yang dilengkapi pelbagai fasiliti serba moden dalam persekitaran kondusif dan terletak di lokasi yang strategik. Projek ini juga berhampiran pelbagai prasarana pembangunan seperti sekolah, hospital dan pusat komersial.

EDISI 16 NOVEMBER 2020 - 22 NOVEMBER 2020

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Prihatin kehidupan asnaf mualaf

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Bahagian Balai Islam Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) sentiasa cakna dengan kehidupan asnaf saudara muslim atau mualaf di negeri ini.

Atas peranan itu, bahagian berkenaan mengambil inisiatif tambahan dengan melaksanakan beberapa program ziarah yang bermotifkan keprihatinan asnaf mualaf dalam kehidupan sehari-hari.

Program ini yang mendapat sokongan pelbagai pihak ini telah men-

deki mereka dengan penerapan asas ibadah di dalam Islam, seterusnya menziarahi dan mengeratkan silaturahim sesama Muslim.

Dengan kerjasama daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini dan Skuad Sukarelawan Balai Islam (SSBI) segala perjalanan dakwah dirancang dan dilakukan secara berfokus untuk mendidik masyarakat mualaf di kawasan pedalaman.

Misi yang mendapat sokongan pelbagai pihak ini telah mendekati mereka dengan penerapan asas ibadah di dalam Islam, seterusnya men-

ziarah dan mengeratkan silaturahim sesama Muslim.

Pengisian program ziarah berkenaan bukan sekadar untuk menyalurkan bantuan asas kepada mualaf dan asnaf, ia turut memfokuskan pengukuhan ilmu agama dengan penyampaian dakwah dengan lebih berkesan.

Ada mualaf yang masih tinggal serumah dengan keluarga atau sanak saudara berlainan agama dan ini dibimbangi menimbulkan konflik jika tidak ada kefahaman atau toleransi dalam menghormati kepercayaan masing-masing.

Mendekati mualaf yang tinggal jauh dari penempatan bandar dan kurang pendedahan agama seharusnya dilakukan secara proaktif bagi memelihara akidah mereka.

Menerusi lawatan itu juga diharap dapat memberi kesedaran kepada golongan muda yang terabit sebagai sukarelawan memahami konsep kesyukuran dengan melihat sendiri kehidupan asnaf mualaf yang masih boleh tersenyum walaupun hidup serba sederhana.

Program dakwah seperti ini wajar dipergiatkan setiap masa kerana pemahaman dalam kalangan mualaf di negeri ini masih sangat memerlukan bimbingan.

Keperluan usaha berterusan membimbing dan menyebar ilmu asas Islam amat dititiberatkan agar kekuatan dalaman dapat dibenteng dengan kefahaman Islam yang utuh.

Pengisian program berbentuk kelas fardhu ain dan bimbingan agama di Kompleks Darul Huda turut banyak membantu golongan mualaf mendalamai ilmu berkenaan dengan lebih berkesan.



PENOLONG Setiausaha Bahagian Balai Islam MAIM, Hairulamin Mohd Sis menyampaikan sumbangan kepada salah seorang asnaf mualaf.



PRIHATIN dan bertanya khabar tentang kehidupan asnaf.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](https://www.youtube.com/user/majlisagamaislammelaka) **Facebook** | [facebook/maimmelaka](https://www.facebook.com/maimmelaka)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



TAZKIRAH Wakaf telah disampaikan oleh Ketua Unit Wakaf MAIM, Ahmad Ataillah Zakariah di Masjid An Nasuha Kariah Rembia baru-baru ini. Kesedaran umat Islam berkaitan peri pentingnya wakaf sentiasa dipertingkat bagi memastikan manfaat berwakaf dapat dinikmati bersama kepada masyarakat Islam di negeri ini.



PROSES pengalihan kubur Islam lama di atas lot 538 Mukim Sungai Baru Ulu di daerah Alor Gajah telah dilaksanakan dengan pemantauan ketat oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan beberapa agensi kerajaan di negeri ini. Ketua Unit Infaq Dan Tijari Seksyen Mal MAIM, Fauzi Jaafar hadir membuat tinjauan proses pengalihan kubur berkenaan.



SERAH SUMBANGAN...
 Pegawai Agihan Zakat daerah Alor Gajah, Mazfazil Ismail bersama Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM menyampaikan sumbangan kit makanan kepada mangsa kebakaran di Kampung Sungai Petai dalam DUN Rembia.





JOM BERWAKAF
“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”
 Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu
sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh
 yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-

<https://iwakaf.maim.gov.my>

Pandemik COVID-19 : Pembayaran online, tiada akad sah ke bayar zakat?



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

HARI demi hari, minggu demi minggu peningkatan jumlah jangkitan positif COVID-19 sangat membimbangkan. Kes baharu yang tertinggi dicatatkan semenjak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini berjumlah 1,755 kes dimana 1,752 kes adalah daripada kes penularan tempatan dan 3 kes import. Oleh yang demikian, rakyat Malaysia disarankan supaya sentiasa mematuhi norma baharu kehidupan dengan mengekalkan penjarakan sosial, menjaga kebersihan diri,

serta mengelakkan tempat yang sesak, sempit dan sembang dekat bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19.

Namun begitu, masyarakat Islam khususnya diingatkan supaya tidak meninggalkan segala perintah Allah SWT dalam melakukan segala ibadah yang dituntut walaupun negara menghadapi masalah ekonomi global disebabkan pandemik COVID-19 ini. Ibadah yang dituntut adalah ibadah zakat. Zakat adalah perintah daripada Allah SWT sekiranya seseorang itu mencukupi syarat-syarat wajib zakat. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah at-Taubah ayat 103:

Yang bermaksud: "Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan mendoakanlah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah SWT. Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Sepanjang tahun ini, seluruh pusat zakat negeri khususnya Zakat Melaka (ZM) amat menggalakkan pembayar zakat melunaskan zakat secara atas talian (*online*) bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Demi memudahkan masyarakat Islam untuk menuaikan ibadah zakat, ZM telah menyediakan pelbagai kemudahan dan inisiatif pembayaran zakat secara atas talian (*online*).

Antaranya, menggunakan perkhidmatan perbankan internet, perkhidmatan e-bayar Kerajaan Negeri Melaka, jom PAY dan pembayaran zakat melalui laman sesawang ZM.

Aplikasi pembayaran zakat secara atas talian (*online*) ini sama ada pembayaran zakat harta atau fitrah adalah bertujuan bagi mengelakkan seseorang itu bertangguh dan terlupa untuk menuaikan kewajipan berzakat. Selain itu juga, ianya memudahkan seseorang itu untuk menuaikan ibadah zakat, dimana mereka yang terkandas atau berada di luar negara dapat melaksanakannya tanpa halangan apabila berlakunya situasi yang amat membimbangkan iaitu penularan pandemik COVID-19.

Akan tetapi, ada segelintir masyarakat yang merungut dan mempertikaikan tentang isu pembayaran zakat secara atas talian (*online*). Ini adalah kerana pendapat mereka mengatakan bahawa tiada akad berlaku ketika menuaikan zakat. Maka mereka merasakan ketidaksempurnaan pembayaran zakat. Pelbagai keluhan dan rasa ketidakpuasan hati di kalangan orang ramai:

"Tak mau lah aku bayar zakat secara online ni tak ada akad..."

"Tak ada feel aku nak bayar zakat kalau tak ada akad ni..."

"Bukan ke akad bayar zakat ini wajib?..."

"Bayar zakat secara online ini tiada akad.. sah ke?..."

"Boleh ke bayar online, macam tak yakin je nak bayar sebab tiada bersalaman"

Persoalan diatas jelas menunjukkan bahawa isu ijab dan qabul adalah perkara yang hangat diperkatakan oleh masyarakat pada masa kini. Maksud ijab dan qabul adalah suatu perbuatan untuk menunjukkan suatu keredaan dalam berakad di antara dua orang atau lebih. Berdasarkan pengertian diatas, dapat difahami bahawa yang dimaksudkan dengan ijab dan qabul adalah sesuatu yang sengaja dilakukan oleh kedua-dua belah pihak berdasarkan persetujuan masing-masing dan menunjukkan ke-

hendak kedua-dua belah pihak. Ibadah zakat seseorang sah di sisi syariat apabila berlakunya dua perkara iaitu **niat menuaikan zakat** dan **pemindahan harta atau wang zakat** tersebut.

Justeru itu, apabila seseorang menuaikan zakat menerusi medium pembayaran atas talian (*online payment*), niat sudah berlaku ketika itu dan pemindahan pegangan harta yakni wang itu juga sudah berlaku. Jadinya zakat yang dibayar telah mencukupi syarat-syarat **SAH** pembayaran zakat tersebut. Hukum berzakat dengan kaedah ini adalah **HARUS** dan digalakkan. Oleh itu, masyarakat Islam tidak perlu risau untuk menuaikan ibadah zakat secara atas talian (*online*). Hal ini kerana telah dinyatakan lafadz niat untuk dibaca seterusnya reda dengan pemindahan harta yakni wang tersebut disalurkan kepada pengurusan zakat.

Menurut Keputusan Jawatankuasa Fatwa yang bertarikh 9 Jun 2011 telah memutuskan, *"Pembayaran zakat fitrah melalui khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) adalah HARUS dengan syarat pihak yang menyediakan perkhidmatan tersebut hendaklah dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka (Majlis) sebagai agen yang hanya akan membuat puangutan zakat fitrah melalui kaedah SMS di Negeri Melaka bagi suatu tempoh yang dibenarkan oleh Majlis Agama Islam Melaka".*

Perkara ini diperkuatkan lagi dengan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor yangtelah membuat keputusan bahawa hukum pembayaran zakat melalui perkhidmatan Maybank2U (INTERNET) adalah **HARUS**.

Oleh itu, Islam adalah agama yang bersifat menyeluruh iaitu menerima perubahan dari semasa ke semasa. Dengan kewujudan pelbagai teknologi dan inovasi, ianya banyak membantu kita melaksanakan ibadah dengan lebih mudah dan cepat. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 185:

Yang bermaksud: *..... Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan ianya tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran....*

Semoga apa yang kita tunaikan akan mendapat keberkatan dan keredaan Allah SWT, sekaligus melipat gandakan ganjaran pahala yang diberikan oleh Allah SWT di dunia maupun di akhirat kelak. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

FPX

izakat.com

- > Isikan maklumat
- > Pembayaran melalui online banking

ZAKAT MELAKA

e-BAYAR

- > Daftar e-Bayar
- > Log masuk & Pilih bayaran secara terus
- > Pilih agensi (Zakat Melaka)
- > Isikan maklumat
- > Bayar zakat
- > Selesai

Ejen Bank

- > Layari perbankan Internet & log masuk akaun anda
- > Pilih bilier "ZAKAT MELAKA"

ZAKAT ONLINE

Jom PAY

- > Login Internet Bank
- > Pilih JomPAY
- > Masukkan Bilier Kod
- > Simpan Transaksi
- > Selesai

BILLER KOD

- 18226 - Wang Simpanan
- 18333 - Qadha' Zakat
- 18184 - Emas / Perak
- 18242 - Pendapatan
- 18200 - Pembiagaan
- 18077 - Pertanian
- 10260 - Temakan
- 18101 - Saham

1-300-88-0233 www.izakat.com Zakat Melaka zakat.melaka Zakat Melaka

Hanya **2.5%**

Adakalanya Keinsafan Datang Tidak Kira Masa

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

1-300-88-0233

Zakat Melaka

ZAKAT MELAKA
Berjaya Bersih Jua Suci Harta



Pendidikan anak asnaf demi masa depan

BAGI memastikan asnaf zakat mempunyai ruang untuk bebas dari belenggu kemiskinan, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menekankan bantuan pembangunan pendidikan dalam pengagihannya.

MAIM mensasarkan perubahan wajar bermula daripada generasi kedua iaitu anak-anak asnaf agar mereka dapat dibentuk menjadi generasi yang cemerlang dan mampu membebaskan diri serta keluarga daripada belenggu kemiskinan.

MAIM mengagihkan bantuan zakat setiap tahun demi memperkasakan asnaf menerusi Program Pembangunan Pendidikan melalui beberapa program berbentuk moti-

vasi dan jatidiri.

Antara bantuan yang disediakan ialah bantuan kelengkapan persekolahan bermula dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah.

Selain itu bantuan wang tunai dikreditkan kepada anak-anak asnaf sama ada peringkat sekolah rendah, menengah dan juga mereka yang melanjutkan ke peringkat pengajian tinggi.

MAIM turut menyelusuri anak-anak asnaf yang telah menamatkan pengajian di beberapa institusi pengajian tinggi di seluruh negara dan bertanya khabar berkaitan kerjaya dan kehidupan mereka bersama keluarga.

Seksyen Pembangunan Insan

MAIM memainkan peranan amat besar dalam memastikan anak-anak asnaf mendapat manfaat pendidikan khususnya ilmu tambahan melalui beberapa program dan kursus yang telah diatur.

Masa depan mereka menjadi taruhan terbaik keluarga untuk memberi peluang dan ruang yang lebih khususnya dalam bidang pekerjaan yang akan mereka tempuh sebaik sahaja tamat pengajian kelak.

Kesimpulannya, pembangunan pendidikan adalah aset untuk melaikar kecemerlangan asnaf zakat dan dengan usaha pengagihan zakat melalui penekanan aspek pendidikan ini, lebih ramai keluarga asnaf dapat berubah dan bebas daripada belenggu kemiskinan.



SALAH seorang anak asnaf ceria bekerja sebagai penghantar makanan berdaftar.



KETUA Pegawai Eksekutif Zakat Melaka (ZM), Datuk Ibrahim Fadzil menerima kunjungan Pengurus Pertubuhan Warisan Ummah, Rafaie Saharuddin di ibu pejabat ZM bersama Penasihat Agama Jabatan Ketua Menteri, Datuk Kamaruddin Sidek. Perbincangan berkaitan kolaborasi memperkasa kutipan zakat secara menyeluruh bagi sektor awam dan swasta di negeri ini serta penerangan mengenai memaksima kutipan zakat melalui pelarasan cukai pendapatan kepada Zakat Pendapatan bagi individu yang melunaskan zakat mengikut Seksyen 6A (1) Akta Cukai Pendapatan.



KETUA Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safuraa bertanya khabar keluarga asnaf.



ASNAF Aimi Fadilah Ad Khilil menerima sumbangan wang tunai dan kit makanan daripada MAIM yang disampaikan oleh Pegawai Agihan Zakat Daerah Alor Gajah, Mazfazil Ismail. MAIM turut akan memastikan bantuan pendidikan dan kesihatan akan diteliti bagi memastikan keluarga berkenaan menerima bantuan sewajarnya demi kelangsungan hidup seharian.

BEZA ZAKAT & SEDEKAH	
Zakat	Se^{de}kah
WAJIB	1. SUNAT
RUKUN ISLAM	2. BUKAN RUKUN
BERSIH DAN SUCI	3. REDHA
NISAB	4. TIADA KETENTUAN
HAUL SETAHUN	5. TIADA KETETAPAN MASA
8 ASNAF	6. TIDAK DITENTUKAN
HUKUMAN KEPADA YANG TIDAK MENUNAIKANNYA	7. TIADA HUKUMAN

Zakat - Bersih Jiwa, Suci Harta



SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK MENJAWAB SPM SUBJEK : BAHASA INGGERIS

SPM ENGLISH PAPER 1119 PAPER 2

Introduction to the Paper

Candidates have to study 2 poems, 2 short stories and 1 drama in Form 4.

The poems are:

- a) The Living Photograph by Jackie Kay
- b) The Charge of the Light Brigade by Lord Alfred Tennyson

The short stories are:

- a) Tanjung Rhu by Mingfong Ho
- b) Leaving by M. G. Vassanji

Candidates also have to study a drama,
The Right Thing To Do by Martyn Ford

However the short stories and drama will not be tested in the SPM examination

In Form 5, candidates have to study 2 more poems.
The poems are:

- a) What Has Happened to Lulu by Charles Causley
- b) The Poison Tree by William Blake

Candidates will also have to study 1 of these 3 novels:

- a) Dear Mr Kilmer by Anne Schraff
- b) Captain Nobody by Dean Pitchford
- c) Sing To The Dawn by Mingfong Ho

HOTS CORNER QUESTIONS

a) Do you think running away is a person's last resort? Provide a reason to support your answer.

Opinion : _____

(1 mark)

Reason : _____

(1 mark)

b) In your opinion, why didn't Lulu take the rag-doll with her when she left? Explain.

(2 marks)

c) Have you lost something that is very important to you? How did you feel about it?

Response : _____

(1 mark)

Feeling : _____

(1 mark)

d) In your opinion, why do you think teenagers run away? Give two reasons.

i) _____

(2 marks)

Form 5 Poem

What Has Happened to Lulu ? By Charles Causley

Overview of What Has Happened to Lulu ?

- ➡ The poem tells the story of a mother grieving because her elder daughter, Lulu, has run away.
- ➡ Observant and curious about tell-tale sign of a hasty getaway,

the persona who is the child narrator questions her mother about the incident in a series of rhetorical questions on what has happened to her sister, Lulu.

- ➡ The persona notices that there is nothing in her room, and her money box has gone, with only an open window. A shoe and an old rag doll were left behind.
- ➡ The persona sees her mother is crying and burning a note left by Lulu. The persona can clearly understand that something is not right but the way the mother is distraught and tells her a series of lies.

What Has Happened to Lulu ? By Charles Causley	
What has happened to Lulu, mother ? What has happened to Lu ? There's nothing in her bed but an old rag doll And by its side a shoe	The persona is questioning her mother about the mysterious and sudden left of Lulu. Two pieces of Lulu's childhood have been left behind – an old rag-doll and a shoe.
Why is her window wide, mother, The curtain flapping free, And only a circle on the dusty shelf Where her money box used to be ?	The persona observes that the windows are open wide and the curtains are 'flapping free' in the wind. The persona notices the 'dusty shelf' where 'her money-box used to be'.
Why do you turn your head, mother, And why do the tear-drop fall ? And why do you crumple that note on the fire And say it is nothing at all ?	The persona asks the mother why she is hiding the tears. The mother crumples up a note (most probably from Lulu) and throws it into the fire. Then, mother tells her child that 'It is nothing at all', but the persona disbelieves her.
I woke to voices late last night, I heard an engine roar. Why do you tell me the things I heard Were a dream and nothing more ?	The persona tells that she was awoken by 'voices late last night' and heard the sounds of an 'engine roar', probably a car starting up and being driven away. The mother says that the child was only dreaming.
I heard somebody cry, mother, In anger or in pain, But now I ask you, mother, You say it was a gust of rain.	Undaunted, the persona insists that she has heard someone cry 'in anger or pain'. The mother says it was just 'a gust of rain'.
Whay do you wander about as though You don't know what to do ? What has happened to Lulu, mother ? What has happened to Lu ?	Puzzled about the mother's distraught behavior, the persona wants to know why the mother is pacing about, uncertain what to do. The use of 'Lu' in line 2 and 24 is an affectionate shortened form of 'Lulu'.

ANSWERS

a) Opinion : No, running away is not a person's last resort.

Reason : This is because there is always hope in talking to another responsible individual about your problems or struggle, even if it is not a family member.

b) Lulu probably did not take the rag-doll with her when she left because she no longer has the need for a rag-doll since she is most probably a teenager.

c) Response : Yes, I have lost my pet when I was younger.

Feeling : I felt devastated as it was very much like a member of my family.

d) i) They are influenced by the wrong company of friends.
ii) Teen pregnancy
iii) Drug addiction



M-WEZ pelonjak ekonomi Melaka



**DATUK Dr Sabri
Mohamad Sharif**



MUHYIDDIN ketika mendengar pembentangan perancangan pembangunan Negeri Melaka daripada Sulaiman yang turut merangkumi pembangunan M-WEZ dalam lawatannya ke Melaka pada 14 September lepas.

TIADA sesiapa menyangka bahawa, Melaka yang asalnya sebuah kawasan terpencil, dipenuhi hutan tebal dan belukar, tidak mempunyai apa-apa sumber asli, telah ditransformasikan oleh Parameswara atau nama Islamnya Sultan Iskandar Shah, bertukar menjadi empayar Kesultanan Melayu Melaka yang masyhur, sehingga diiktiraf sebagai antara pusat perdagangan paling maju lagi tersohor di dunia.

Buktinya, jika kita merujuk kepada Tome Pires, seorang penulis Portugis yang kawakan, telah mencoretkan dalam bukunya *The Suma Oriental* bahawa, barang siapa yang menguasai Melaka, sesungguhnya dia juga akan menguasai Venice. Hinggakan Melaka pada ketika itu mendapat jolokan sebagai 'Venice of the East'. Duarto Barbosa pula mengatakan Melaka adalah pelabuhan terkaya, didatangi oleh jumlah pedagang antara yang terbesar di dunia, sampaikan terdapat 84 bahasa yang dipertutarkan di Melaka pada waktu itu.

Gambaran tentang kekayaan dan kemewahan penduduk serta rakyat Melaka itu jelas dirakamkan dalam Sejarah Melayu, "Maka Hang Nadim pergila naik kapal Hang Isap, kerana pada masa itu orang Melaka ratahah berkapal belaka."

Kita menyambut baik hasrat Kerajaan Negeri Melaka, di bawah pimpinan Ketua Menterinya, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, yang bertekad untuk mengembalikan semula detik kegemilangan Melaka, dengan mewujudkan inisiatif besar lagi holistik, memfokuskan kepada bidang-bidang tertentu seperti, pelancongan, pelabuhan, pendidikan dan perkhidmatan maritim.

Dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi Melaka agar setanding dengan wilayah koridor pembangunan ekonomi yang lain seperti, ECER, NCER, IRDA, SDC, SCORE dan Malaysian Vision Valley, Kerajaan Negeri Melaka telah mencadangkan supaya dibangunkan sebuah koridor ekonomi baharu, pelaburan berimpak tinggi, sebagai mercu tanda baharu, kepada ekonomi negeri Melaka, yang dinamakan sebagai Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka atau Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ).

M-WEZ ini

bakal menjadi game changer kepada negeri Melaka, yang melibatkan pembangunan kawasan tambakan laut sedia ada seluas 15,000 ekar di sepanjang 22 km persisiran pantai Negeri Melaka, melibatkan pelaburan yang dianggarkan bernilai RM100 billion.

Melalui M-WEZ, dijangka lebih 10 ribu peluang pekerjaan bakal diwujudkan. Visi M-WEZ bagi mewujudkan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Negeri Melaka berdasarkan pelancongan, untuk memacu pembangunan yang mampan, berdaya maju dan menggalakkan Industri 4.0 (IR 4.0) dalam persekitaran mampan serta pintar untuk tarikan tempatan dan antarabangsa.

M-WEZ ini akan dilaksanakan melalui inisiatif swasta dan kerajaan, bakal menjadi pemangkin bagi melonjakkan ekonomi negeri Melaka, dengan dicadangkan ditadbir oleh satu Pihak Berkuasa, yang akan bertindak sebagai perancang, penggalak, penyelaras dan pemudahcara pembangunan.

Potensi pembangunan M-WEZ adalah cukup besar berdasarkan saiz dan zon pembangunan yang bersesuaian, kesinambungan pengangkutan (connectivity), lokasi lautan, kelebihan lokasi sekitar dan nilai tambah serta kepadatan pembangunan yang dibenarkan.

Pembangunan M-WEZ juga turut akan membabitkan Kawasan Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) yang bakal dijadikan sebagai hab perkhidmatan industri minyak dan gas, Pelabuhan Tanjung Bruas sebagai hab kontena dan hab Terminal Kapal Persiaran Antarabangsa Melaka (MICT).

M-WEZ juga merupakan antara projek pembangunan yang strategik dan inklusif. Ia

dirangka melalui Pelan Pembangunan Komprehensif Hala Tuju Melaka Lestari untuk negeri Melaka, berdasarkan kepada tiga fasa iaitu, pelan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Bermula dari tahun 2020 sehingga tahun 2035. M-WEZ turut dimasukkan dalam Kerangka Besar Halatuju "MELAKA RUMAHKU" yang terkandung di dalamnya visi, misi, boleh daya (enabler) dan slogan baharu negeri Melaka serta dilingkari dengan akar tunjangnya dalam ikhtiar untuk mencapai kecemerlangan dunia dan ukhrawai.

Antara halatuju dan strategi pembangunan M-WEZ adalah:

Sebagai satu PERMATA pembangunan masa hadapan yang bersinar dalam tempoh 25-30 tahun. Ia merupakan '*big moves*' kepada pembangunan khusus di Melaka yang berasaskan pelancongan, menerapkan ciri-ciri baharu bersepadu seperti pusat pelancongan antarabangsa, pusat komersial berasaskan gaya hidup, Bandar Pintar, Industri 4.0 (IR 4.0), Pusat Logistik Marina, pusat budaya dan nilai;

Menjadikan M-WEZ sebagai pembangunan Persisiran Pantai bersepadu, bernilai tinggi dan bernilai tambah dengan ciri-ciri budaya serta Tapak Warisan Dunia UNESCO dengan penjenamaan pembangunan persisiran pantai yang setaraf seperti Dubai; dan

Penubuhan satu Pihak Berkuasa yang dilantik atau ditubuhkan melalui perundungan di peringkat Negeri atau Persekutuan.

Cadangan M-WEZ ini juga telah mendapat persetujuan awal di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka

(MTEN Melaka), bertarikh 11 Jun 2020 dan Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan Negeri Melaka.

Menurut Ketua Menteri, cadangan mewujudkan M-WEZ ini telah diangkat maklum dan dibincangkan bersama dengan Menteri Kewangan, Senator Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamad, Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamad Azmin Ali dan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ketika kunjungan mereka ke negeri Melaka.

Ketua Menteri juga berpendangan bahawa, rangka pembangunan itu perlu diperhalusi dan diperincikan lagi menerusi penubuhan Majlis Pembangunan M-WEZ, bagi tujuan mengadakan kajian dan dokumentasi tertentu yang berkaitan untuk dimuktamadkan, sebelum ia dibentangkan dalam Majlis Pembangunan Fizikal Negara pada sekitar awal tahun hadapan.

Secara tuntasnya, kita berdoa dan berharap, semoga penubuhan koridor baharu M-WEZ yang bersifat futuristik ini bakal mendatangkan manfaat besar, bukan sahaja dalam mewujudkan peluang pekerjaan, pelaburan serta perniagaan baharu kepada rakyat di negeri ini, bahkan berupaya menjadikan Melaka sebagai pusat perdagangan terkenal antarabangsa dan kota pelancongan terkemuka sehingga menggamit dunia.

Penulis merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP) merangkap Penasihat Ekonomi dan Inovasi Kepada Ketua Menteri Melaka.



M-WEZ dilihat sebagai nukleus kepada pembangunan koridor baharu di Malaysia. (Gambar Fail)



BANCI MALAYSIA

“Data Anda Masa Depan Kita”



- Dalam Talian
- Bersemuka



Scan QR Code
Untuk Jawab Banci



www.mycensus.gov.my



@MyCensus2020
@StatsMalaysia



1800 88 7720

Hulurkan sumbangan bantu persiapan Deepavali



MAHADEVAN ketika menyampaikan sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan sebagai persiapan menyambut Deepavali, baru-baru ini.

Saliawati Salberi

AYER KEROH - Lebih 4,000 sumbangan barang keperluan diajukan kepada golongan kurang berkemampuan khususnya mereka yang beragama Hindu sebagai persiapan menyambut Deepavali.

Pengerusi MIC Melaka Datuk M.S. Mahadevan berkata, selain sumbangan barang keperluan seramai 750 keluarga juga menerima sumbangan wang tunai bagi meringankan beban mereka dalam membuat persiapan perayaan.

Beliau berkata, ekoran dari pandemik COVID-19, ramai yang terjejas malah paling terkesan ada yang turut kehilangan pekerjaan.

"Sumbangan ini tidak terhenti sampai di sini sahaja tetapi akan diteruskan dalam tempoh sebulan sempena perayaan Deepavali ini,"

katanya.

Menurutnya, walaupun perayaan kali ini disambut dalam suasana sederhana namun beliau berharap agar masyarakat dapat menghayati erti sebenar sambutan pesta cahaya ini.

"Saya berharap agar kita sama-sama menyambut Deepavali dalam keadaan yang sederhana dan norma baharu sekali gus dapat membantu memutuskan rangkaian COVID-19."

"Walaupun banyak acara yang kelaziman dianjurkan sempena Deepavali dibatalkan termasuk rumah terbuka terpaksa dibatalkan saya berharap, sambutan ini dapat disambut dalam keadaan meriah dan penuh warna-warni. Buat semua yang beragama Hindu di seluruh negara khususnya penduduk Melaka saya ucapkan selamat menyambut Deepavali," katanya.

Dugaan 30 tahun

Faiz Hasan

HAMPIR 30 tahun diduga ujian menjaga tiga orang anak 'istimewa' ditambah pula keadaan suami yang lumpuh sejak beberapa tahun lalu mengajar P. Santhi, 52, untuk lebih tabah meneruskan kehidupan.

Santhi, yang menetap di Taman Sebang Gemilang berkata, perkara itu adalah ujian Tuhan yang perlu diterima dan ditempuhi kerana dia percaya akan ada hikmah dan ganjaran hebat disebalik dugaan itu.

Menurutnya, yang mempunyai tiga anak Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mengalami masalah sama akibat mengalami demam panas ketika dilahirkan dan mengakibatkan perkara itu terkesan dengan tumbesaran anaknya.

Jelasnya, tiga beradik yang bermula dari sulung sehingga lahir anak ketiganya mengalami kecacatan sama bagaimanapun dia begitu bersyukur apabila anak bongsunya dilahir dan

membesar dengan normal yang kini telah menjadi tulang belakang kepada keluarganya.

Sudahlah diuji keadaan itu, suaminya S. Subramaniam, 57, pula telah dua kali menghadapi penyakit lumpuh separuh badan membuatkan suaminya terpaksa berhenti dari bekerja sebagai pekerja ladang.

"Selama 26 tahun saya bekerja sebagai tukang cuci di sebuah bank di Tampin, Negeri Sembilan namun kini anak saya, S. Pavithra, 20 menggantikan tempat saya bagi menyara keluarga setelah saya berhenti beberapa tahun yang lalu.

"Dia terpaksa mengabaikan hasrat melanjutkan pelajaran sebaik tamat persekolahan di Tingkatan Lima dan nekad untuk bekerja demi menyara keluarga sebagai pembantu di

sebuah klinik di Tampin.

"Pada setiap pagi, Pavithra akan membantu memandikan abang dan kakaknya malah akan menyediakan masakan sebelum ke tempat kerja," katanya.

Diduga ujian itu, sokongan rakan-rakan terdekat membuatkan mereka bersemangat dalam meniti kehidupannya sebagai seorang ibu dan isteri yang menjadi tunjang utama dalam keluarga.

Ujarnya, sokongan yang diterima itu bukan saja berbentuk moral malah ada yang sanggup menziarahinya dan menghulurkan bantuan demi mengurangkan bebanan nasib keluarga itu.

"Rakan-rakan banyak membantu saya tiap kali saya tertekan dan menasihati agar bersabar dan tidak terlalu berfikir kerana akan menjelaskan

kesihatan saya, mereka adalah penguat semangat saya.

"Kadangkala setiap malam saya menangis seorang diri mengenangkan nasib yang menimpaku, namun saya sedar dan bersyukur bahawa inilah ujian dan perlu dihadapi," katanya.

Apabila ditanya berkaitan persiapan sambutan Deepavali yang bakal disambut tidak lama lagi, keluarga itu hanya menyambut dalam keadaan sederhana pada tahun ini sebagai norma baharu dalam mencegah penularan pandemik COVID-19.

Lazimnya, menjelang hari perayaan, Pavithra akan membantu menghias rumah dan menyediakan beberapa kuih tradisi untuk santapan keluarga tatkala dia sibuk menguruskan anak-anak istimewa serta suaminya.

"Sambutan perayaan Deepavali tahun ini kami sambut dengan penuh sederhana saja, tidak mengapalah jika tidak boleh keluar, kita duduk di rumah saja,

"Tidak mengapalah jika tahun ini tidak meriah, kita korbankan masa tahun ini kerana tahun-tahun akan datang pun boleh disambut lagi dengan lebih meriah asalkan semua masyarakat terhindar dari wabak ini," katanya.

Jasa seorang ibu seperti Santhi perlu dicontohi oleh semua pihak yang tiada tolok bandingnya dengan pengorbanan yang dicurahkan demi keluarganya.

Terdahulu, pengorbanan itu telah membuatkan wanita itu menerima Anugerah Ibu Bapa Contoh (Bukan OKU) pada Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan sempena Hari Terbuka Kebajikan pada Tahun 2016.



S. SANTHI



S. SANTHI (tengah) bersama tiga anak OKU dan suaminya yang menetap di Taman Sebang Gemilang, Pulau Sebang.

"Disambut secara besar-besaran atau sederhana itu tidak dijadikan kayu pengukur apa yang menjadi keutamaan sambutan Deepavali ini akan terus mengekalkan tradisinya".

- A Kaviarasen, 29



"Semoga perayaan Deepavali kali ini membawa seribu makna dan kebahagian buat semua yang menyambutnya, walaupun disambut dalam suasana berbeza susulan pandemik COVID-19 diharap ia tetap penuh keceriaan serta warna warni".

- R Nanthini, 27

"Selamat menyambut Deepavali kepada semua penganut Hindu, semoga sambutan kali ini membawa kesejahteraan dan kemakmuran selain diberikan kesihatan yang baik, umum tahu pada waktunya ini negara sedang berjuang melawan COVID-19 diharap semua dapat meluangkan masa dirumah demi menjamin keselamatan semua".

- D N Shakina, 22



"Meskipun sambutan Deepavali kali ini disambut dalam keadaan sederhana namun kemeriahannya tetap dirasai dengan suasana penuh warna warni. Norma baharu bukan penghalang untuk kita raikan bersama tetapi yang menjadi keutamaan adalah mematuhi operasi standard (SOP) ditetapkan".

- G Jega, 30

"Meskipun suasana sambutan Deepavali kali ini tidak seperti dahulu apa yang penting pengertian perayaan itu dapat dihayati oleh semua selain mengukuhkan ikatan kekeluargaan menerusi persefahaman dan toleransi".

- M Velumurugam, 27





FADHLULLAH menunjukkan antara bumbung yang rosak dan bocor di Skatepark Youth Square.



HAZEM

Skatepark diperlukan segera

Faiz Hasan

DAIF dan menyediakan. Itulah senario yang boleh digambarkan dengan keadaan Skatepark Youth Square, Melaka Mall yang semakin usang dimamah usia menggantikan kekecewaan peminat sukan lasak itu.

Apa yang mengejutkan ia umpama projek 'gajah putih' dibiarkan begitu saja ditambah pula keadaan fasiliti usang sudah pastinya bakal mengundang bahaya kepada pengunjung.

Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati, hampir keseluruhan fasiliti di kawasan terbabit rosak teruk diikuti keadaan lantai yang basah dan licin mungkin berpunca dari bumbungnya yang bocor dan menantikan masa untuk menyembuh bumi.

Kekecewaan itu telah dihirkan oleh golongan belia negeri ini yang mengharapkan sebuah lokasi baru dibina sejak dahulu lagi namun tiada sebarang khabar gembira diterima mereka saban tahun.

Pengerusi Melaka Skate Scene, Muhammad Hazeem Wageh, 26, berkata, pasukan yang ditubuhkan hampir 10 tahun lalu itu seolah tiada tempat mengadu.

Menurutnya, tiada lokasi khas diperuntukkan buat peminat sukan lasak itu di negeri ini dan terpaksa menumpukan di lokasi di sekitar lorong-lorong di Bandaraya Melaka serta beberapa lokasi lain bagi melayan tagihan adrenalin mereka.

"Hampir bertahun kami menunggu sehingga terpaksa bermain di lokasi luar kawasan tapak dan perkara ini bakal mengundang bahaya kepada kami, apa pun kami tetap teruskan minat dalam sukan ini."

"Kami juga akan dihalau oleh pengurusan bangunan itu jika bermain di kawasan tersebut dan lebih menyediakan, kami dimaklumkan lokasi itu akan ditutup dan bakal dijadikan sebagai tapak perniagaan, jadi di mana kami mahu mengasah bakat yang ada?"

"Jika dibandingkan negeri lain, mereka begitu hebat kerana disediakan tapak dengan fasiliti yang begitu memuaskan dan perkara seperti ini telah menjadikan peserta di Me-

laka ketinggalan begitu jauh ke belakang tiap kali bertanding di arena."

"Malah, di atas inisiatif sendiri kami terpaksa mengunjungi negeri lain seperti Johor, Kuala Lumpur, Selangor pada hujung minggu semata-mata melakukan latihan di 'tempat orang', " katanya kepada MHI.

Sementara itu, seorang peminat sukan tersebut, Mohammad Amir Fadhlullah Omar, 31, berkata, sukan terbabit semakin menerima sambutan belia di negeri ini dengan lebih 200 penyertaan ahli dari pelbagai usia sekitar 10 hingga 47 tahun malah turut disertai oleh peserta wanita.

Katanya yang juga seorang jurulatih sukan tersebut menerima setiap penyertaan dan tidak 'lokek' ilmu malah akan mendedahkan tujuh pembelajaran

dasar bagi menguasai beberapa kemahiran dalam sukan terbabit.

"Kami benar-benar mahukan 'skatepark' dan berharap agar perkara ini diketengahkan segera supaya kami dapat berlatih dan mampu menuju ke peringkat yang lebih tinggi."

"Kadangkala kami begitu malu kerana sering ditanya rakan dari negara lain tentang pembangunan sukan ini di Melaka sedangkan jika ia dibangunkan perkara ini mampu meningkatkan subsektor pelancongan sukan di negeri ini," katanya.

Pada masa sama, salah seorang pemain wanita, Maizatul Nabilah Muhd Fauzi, 15, berkata sukan itu antara sukan lasak yang paling diminatinya sejak kecil dan berharap peluang itu turut diberikan kepada pemain sepe-

tinya bagi mencungkil bakat yang ada.

Baginya, sukan lasak 'outdoor' seperti itu perlu diperluaskan buat golongan seusianya agar anak muda tidak terjebak dengan kebejatan sosial yang melanda.

"Sukan seperti ini banyak mendisiplinkan saya malah sekiranya ia didedahkan, sifat antisosial yang merenggangkan diri daripada arus pembangunan masyarakat dapat dielakkan oleh remaja yang lebih gemar menumpukan kepada permainan gajet."

"Remaja hari ini lebih cenderung kepada gajet dan ini perlu diseimbangkan agar kesinambungan dalam kehidupan bermasyarakat itu dapat diperbaiki yang mampu memberi pelbagai kebaikan daripada menyendiri di rumah," katanya.



MAIZATUL



FADHLULLAH

ANTARA fasiliti yang terdapat di kawasan itu dilihat usang dan bakal mengundang bahaya memerlukan penambahbaikan secara menyeluruh.



ANTARA teknik yang akan dipelajari peserta memerlukan tumpuan sepenuhnya bagi mencapai tahap itu.



Hotel Melaka terjejas 80 peratus

Liana Sahabudin

KETUA Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali bersetuju menilai kembali potongan pembayaran sewa bagi setiap pemilik hotel di negeri ini.

Perkara itu antara yang diputuskan dalam perbincangan semasa perjumpaan bersama Ketua Menteri membabitkan pemain industri pelancongan Melaka, baru-baru ini.

Pengerusi Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaran Malaysia (MATTA) Melaka Goh Hock Gin berkata, langkah itu diputuskan bagi membantu sumber ekonomi industri pelancongan yang terkesan sehingga 80 peratus akibat impak COVID-19, termasuk mempersetujui pengoperasi hotel berjalan seperti biasa.

"Pemain industri pelancongan sangat tenat sekarang

ini. Memang hotel boleh operasi seperti biasa tetapi jika tiada pelancong, kos untuk tanggung operasi pun tak cukup."

"Justeru, Ketua Menteri bersetuju untuk menilai kembali potongan pembayaran sewa bagi setiap pemilik hotel di negeri ini," katanya kepada MHI.

Katanya, menerusi kunjungan itu Sulaiman akan berbincang dengan jabatan berkaitan mengenai penggu-

naan Cukai Warisan & Cukai Pelancongan bagi tujuan pemasaran (untuk pasca COVID-19).

"Ini termasuk menge-maskini prosedur operasi standard (SOP) di negeri ini dalam kalangan pegawai pi-hak berkuasa tempatan (PBT) bagi penguatkuasaan yang lebih baik."

"Persatuan, Badan Promosi Pelancongan (BPP) dan agensi-agensi yang berkaitan juga perlu bekerjasama membangunkan pakej promosi dan pemasaran menjadikan Me-

laka sebagai destinasi pilihan utama," katanya.

Jelasnya, di Melaka ter-dapat sebanyak 300 pemilik hotel yang bernaung di bawah ketiga-tiga persatuan itu.

"Hotel ini ada yang ber-taraf tiga dan lima bintang, bagaimanapun kita harap ke-rajaan negeri dapat membantu pemain industri ini dalam memulihkan kembali pendapatan yang terjejas," katanya.

Pada 10 November lepas, Persatuan Hotel Hotel



HOCK GIN

Malaysia (MAH), Persatuan Hotel Bajet Malaysia (My BHA) dan MATTA telah mengadakan perjumpaan bersama Sulaiman bagi membincangkan isu berkaitan sektor pelancongan Melaka.



PERWAKILAN persatuan hotel Melaka bergambar bersama Sulaiman selepas mengadakan kunjungan tersebut di Pejabat Ketua Menteri Melaka, Seri Negeri pada 10 November lepas.

UTeM terima RM250,000 wang zakat

DURIAN TUNGGAL - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima sumbangan wang zakat se-



RAHA

banyak RM250,000 dari Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad, baru-baru ini.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Wira Dr. Rahim Abdul Rahim berkata, wang zakat itu akan dialurkan kepada pelajar memerlukan bagi menampung perbelanjaan pengajian mereka.

"Bagi melancarkan pengagihan sumbangan ini, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM akan menguruskan pemberian zakat ini

terus kepada pelajar yang layak.

"Transaksi pemindahan wang zakat kepada pihak UTeM disempurnakan baru-baru ini selepas pihak universiti menerima surat rasmi pada 2 November lalu," katanya.

Raha berkata, kerjasama itu sebagai keprihatinan Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad dalam aspek bantuan dan kebajikan khusus buat golongan pelajar UTeM.

"Semoga kerjasama erat antara UTeM dan pihak Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad ini dapat dimanfaatkan bersama," katanya.

Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad terdiri dari Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Pembangunan Leasing Corporation, PLC Credit & Factoring Sdn Bhd, BI Credit & Leasing Berhad dan Global Maritime Ventures Berhad.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UTeM, Profesor Madya Dr Nurulfajar Abd Manap.



UTeM menerima sumbangan wang zakat sebanyak RM250,000 dari Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Meniti tiga jam waktu 'emas'

Faiz Hasan

BARU seminggu menjinakkan diri dalam bidang perniagaan, kini pula dalam dilema akibat terpaksa berhadapan kekurangan pelangan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuatkuasa baru-baru ini.

Bagi, Arfi Shahrudin, 28, itu ujian hebat baginya dalam menimba ilmu perniagaan menerusi bidang jualan makanan iaitu sate setelah dibuang kerja disebabkan krisis pandemik COVID-19.

Jelasnya, sebelum ini dia bersama rakan dan adiknya berhijrah ke Singapura dan bekerja dalam bidang peruncitan fesyen, namun terpaksa berputih mata akibat ramai pekerja sepertinya hilang pekerjaan di negara republik itu.

Disebabkan kehilangan

pekerjaan sejak Mac lalu, dia mengatur langkah setelah buntu dengan ke-

daan terbabit dengan mencebur diri dalam bidang perniagaan kecil-kecilan di sebuah restoran di Jalan Panglima Awang, Peringgit.

"Inilah pilihan kedua saya asalkan mampu mengisi masa terluang kerana khawatir simpanan pula semakin menyusut.

"Agak merunsingkan sebenarnya bila dengar PKPB berkuatkuasa namun apakan daya saya teruskan jua perjuangan ini kerana inilah ujian dan pengalaman yang saya hadapi supaya dapat mengajar saya dalam jatuh bangun perniagaan," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Menurutnya, gerainya beroperasi lebih kurang tiga jam bermula jam 5.30 petang adalah 'waktu emas' baginya di sepanjang tempoh PKPB demi menarik pelanggan menikmati jualannya.

"Setiap kali berniaga hanya beroperasi lebih kurang tiga jam saja kerana

setiap sejam awal dan akhir itu akan diperuntukkan untuk melakukan persiapan pembukaan dan penutupan kedai sebelum tutup jam 10 malam. Tidak mengalah, asalkan saya mampu mengisi masa terluang, biarlah sehari untung RM10 pun saya rasa begitu bersyukur.

"Sejak perintah itu, jualan semakin meleset, pelanggan pula semakin berkurang malah ada yang datang pun hanya membungkus sahaja. Setiap hari kira-kira 150 cucuk sate akan dijual namun baru-baru ini 50 cucuk pun sukar untuk dihabiskan.

"Apa pun sebagai perniagaan inilah ujian bagi saya, jika tutup pun bagaimana pula untuk saya membayar sewa tapak di sini kerana walaupun tutup saya tetap kena bayar. Bukan saya sahaja yang terkesan dengan krisis yang berlaku ini namun apa yang diharapkan adalah sokongan masyarakat dalam membantu usahawan muda seperti kami yang baru berjinak dalam bidang ini," luahnya.

Bagi Arfi, itulah perjuangan asalkan pendapatan yang diraih itu adalah rezeki halal malah memberi kepada anak muda di negeri ini agar komited dan kreatif dalam menjana pendapatan.

"Selagi ada kudrat kita perlu bertindak dan tidak perlu membuang masa, memang benar kita diuji tapi perlu sabar dan bijak dalam menangani sesuatu masalah," katanya.



ARFI berjuang dalam perniagaan sate demi kelangsungan kehidupannya.

Taman
Belimbing
Harmoni Durian Tunggal, Melaka

BANTUAN ANSURAN
RM200 SEBULAN
 PERCUMA
 UNTUK 24 BULAN PERTAMA****

SEDIA
 DIDUDUKI
 UNIT TERHAD

Taman Perumahan Sederhana Pertama
 Yang Mempunyai

"Club House"
"Kolam Renang & Gym"

***PERCUMA YURAN "CLUB HOUSE"**
 untuk 6 Bulan Pertama



TEMPAHAN DIBUKA SEKARANG



RUMAH SEMI-D

DARI
RM435,100-00**

36' X 70'

- 5 BILIK TIDUR
- 5 BILIK AIR



RUMAH TERES
 2 TINGKAT

DARI
RM353,400-00**

22' X 70'

- 4 BILIK TIDUR
- 3 BILIK AIR



KEDAI PEJABAT
 1 1/2 TINGKAT

DARI
RM429,000-00

20' X 65'

LUAS TANAH : 1,300 - 1,837 SQF
 LUAS BINAAN KEDAI : 2,151 - 3,185 SQF



* Tertakluk Pada Termasuk Syarat. ** Bumiputera lots *** Rumah Berkembar 2 Tingkat & Rumah Teres 2 Tingkat. **** Hanya untuk BSN MyHome-i (Skim Perumahan Belia) sahaja.



NOR - **010-432 2108**

FADZIL - **010-270 3832**

HIDAYAH - **017-310 1102**

OTHMAN - **013-365 6185**



SMS REALTY SDN BHD
 966511-V

Lot 2855 - 2863 Pinggir TTDI, Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur
 No. Permit Plan : 18335 - J/03 - 2020/0232 (P) • No. Lesen Perajuh : 19335 - J/03 - 2020/0232 (L)

TEL: 03-7733 1666
 FAX: 03-7732 0666

Malaysia welcomes joint statement on AOIP

KUALA LUMPUR - Malaysia welcomes the Joint Statement of the 23rd ASEAN-Japan Summit on Cooperation on the ASEAN Outlook on Indo-Pacific (AOIP) as it demonstrates the commitment of ASEAN and Japan in strengthening practical cooperation.

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, in his intervention at the 23rd ASEAN-Japan Summit recently, said Malaysia is confident that the strong relations between ASEAN and Japan will be further manifested by various engagements and initiatives under four areas of cooperation – maritime, connectivity, economic, and the Sustainable Development Goals.

"We look forward to further enhancing our mutually beneficial and close collaboration with mutual interests on the various areas of cooperation," he said at the summit, held within the 37th ASEAN Summit and related meetings.

The AOIP, adopted during the 34th ASEAN Summit in Thailand, is meant to contribute to the maintenance of peace, freedom and prosperity.

In the joint statement of the

AOIP, leaders of ASEAN and Japan reaffirmed their commitment to enhancing the ASEAN-Japan Strategic Partnership for mutual benefit.

They also recalled the shared view to promote a rules-based Indo-Pacific region that is free and open, embraces key principles such as ASEAN's unity and centrality, inclusiveness, transparency, and complements ASEAN community building process.

The leaders also reaffirmed the objectives and principles of the AOIP which provides a guide for ASEAN's engagement in the Asia-Pacific and the Indian Ocean regions, while encouraging external partners to work with ASEAN to undertake practical cooperation on the four key areas identified in the AOIP.

Meanwhile, on the economic front, Japan has demonstrated a pivotal and mutually beneficial role as one of ASEAN's top trading partners as well as an important source of foreign direct investments to ASEAN.

"In this regard, Malaysia views the adoption of the ASEAN-Japan Economic Resilience Action Plan as indeed timely. We believe that the Plan will significantly help maintain



MUHYIDDIN

the necessary flow of goods and services, as well as sustain the supply chain connectivity in the region," Muhyiddin said.

Muhyiddin said the Action Plan is vital to mitigate the adverse impact of the COVID-19 pandemic on the regional economy.

The prime minister also said

further cooperation between ASEAN and Japan in the area of information technology will be mutually beneficial in their efforts to have comprehensive economic recovery post-COVID-19 pandemic.

The prime minister said Japan's expertise in information technology would be invaluable to ASEAN in the region's efforts to adapt to the digital revolution.

"The COVID-19 pandemic has, in various ways, increased our reliance on technology even further – be it for work, study or staying in touch with people. It is therefore imperative for us to increase digital adoption and ramp up the Fourth Industrial Revolution technological endeavours," he said.

Touching on education cooperation, Muhyiddin said Malaysia warmly welcome the continued and existing engagement between various education institutions in ASEAN and Japan in promoting greater networking, especially in the field of education and research, through sharing of resources and expertise, exchanging knowledge and ideas as well as other areas of mutual interest.

"In this regard, we would like to see both sides undertake concrete efforts to intensify the partnership and collaboration between the industry and academia among ASEAN and Japan," he said.

Malaysia, he said, views technical and vocational education and training (TVET) as a concrete investment with significant returns.

Muhyiddin also conveys Malaysia's appreciation for Japan's contribution of US\$1 million to the COVID-19 ASEAN Response Fund and welcome Japan's proposed establishment of an ASEAN Centre for Public Health Emergencies and Emerging Diseases.

"We welcome the final report of the feasibility study for the establishment of the Centre and hope that it could be materialised soon," he said.

The prime minister is leading the Malaysian delegation at the biannual summit virtually from here (Kuala Lumpur) which run till Sunday.

The summit is chaired by Vietnam Prime Minister Nguyen Xuan Phuc in his capacity as ASEAN Chair 2020 under the theme "Cohesive and Responsive ASEAN." - BERNAMA

COVID-19: MOH fears movement of six million people in Klang Valley, NS

PUTRAJAYA - The Ministry of Health (MOH) is worried that the movement of six million people in the Klang Valley and Negeri Sembilan will contribute to an increase in COVID-19 cases in the states there.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said nearly all districts in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya were currently

COVID-19 red zones and that it would be difficult to control the movement of people in these densely-populated states.

As such, he said, it was hoped that the implementation of the nationwide Conditional Movement Control Order (CMCO), except in Perlis, Kelantan and Pahang, would help to reduce interstate movement, especially

in the Klang Valley and Negeri Sembilan, and break the chain of infection.

"It is quite difficult to control the movement (of people) from red zones in the Klang Valley compared to the movement of people from red zones in Sabah to the Peninsula because we can screen and identify them when they leave Sabah.

"We (the MOH) are

worried if people from the Klang Valley or Negeri Sembilan, who are infected, cross over to the green zones. So, although we cannot limit their movement 100 per cent, at least the CMCO can reduce such movements," he said.

Speaking at the media conference on COVID-19 development at the MOH recently, Dr Noor Hisham said

their concern arose when the overall data showed that the number of new cases in the Klang Valley and Negeri Sembilan now surpassed that of Sabah's.

He added that the infection rate in Sabah could be seen to be stabilising compared to last week.

Meanwhile, asked about reports of the H5N8 strain of the bird flu spreading in

South Korea and western Europe, Dr Noor Hisham said the MOH and Department of Veterinary Services (DVS) would continue to monitor the situation.

However, he said there were currently no reports of the bird-borne outbreak infecting humans and that, so far, no outbreak had been detected in Malaysia.

- BERNAMA

SHOPEE: Economic recovery spurred on by 11.11 sale

KUALA LUMPUR - The recently-concluded Shopee 11.11 one-day shopping sale enabled first-time sellers to record 10 times more orders than on an average day.

Shopee Malaysia regional managing director Ian Ho said the sale, dubbed the 11.11 Big Sale, unlocked new opportunities for budding local entrepreneurs and small and medium enterprises.

"Shopping events such as the 11.11 sale allow us to push the boundaries of innovation, introducing new features and initiatives to empower and enable brands, retailers and sellers to kick into high gear for recovery in the current economic climate," he said in a statement recently.

In addition, Ho said the 11.11 sale had empowered Malaysian micro, small and medium enterprises (MSMEs), with 3,000 Malaysian MSMEs on the online shopping platform achieving average sales of RM55,000.

"Strong demand in Selangor, Kuala Lumpur and Johor clocked in high shopping activities with 650,000 items sold in an hour in Selangor on Nov 11.

Growing confidence and trust in online shopping, the largest single transaction made by one user on the platform within the first eight hours of the sale event amounted to RM70,-000," he said.

Noting a surge in demand for electronics, Malaysians made full use of Shopee's exclusive deals to refresh their gadgets; for example, Huawei recorded about RM1 million in sales just on its Matebook D 15 within the first 10 minutes of the 11.11 sale.

"Malaysians turn to Shopee for household needs amidst stay-at-home efforts. Looking at customer trends and performances from local businesses, there is no doubt that e-commerce has the potential to positively impact communities," Ho said.

- BERNAMA

PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT NEGERI MELAKA					
Sebuturga adalah diberlawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berafiliasi dengan Posut Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaag Pembangunan Malaysia (LPPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-					
BUTUH-TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN DI RILAI	Syarat Pendaftaran	TARikh DAN TEMPAT LAWATAN TAWARAN	TARikh TUTUP SEBUTURGA
KERJA-KERJA MEMBELAKI DAN MEMBALIK KEROSAKAN 2 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (SP1086-SSP1089) DI TAMAN INTERNA, MUKIM SG PETAL ALOR GAJAH, MELAKA	RM 50.00 (Tidak Akan Dikenakan)	PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA TINGKAT 8, WISMA AMANAH JALAN BPP 2, TAMAN BATU BERENDAM PUTRA, BATU BERENDAM, 75350 MELAKA	- Berdaftar Dengan PKK Bersiputera, - Berdaftar Dengan LPPM/CIDB Gred GI Kategori : II, CE , ME	Rabu, 18 November 2020 pada jam 10.00 Pg. Berkuatkuasa di Simpang Masuk Taman Interma, 75000 Nilor Gajah, Melaka (LAWATAN Tapak adalah OFWIA/KAM)	Jumaat, 20 November 2020 pada jam 12.00 tengahari (Sebuturga yang lewat tidak akan diambil)

Naskah Meja Tawaran boleh dimasak di Pejabat PERTAM, Tingkat 8, Wisma Amarah Jalan BPP 2, Taman Batu Berendam Putra, Batu Berendam, 75350 Melaka pada waktu pejabat bermula pada 18 November 2020. Banyak Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai / Draft Bank atau Kiriman Pos diatas nama Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka atau PERTAM [bayaran ini tidak akan dikembalikan]. Kontraktor dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal Lembaag Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan satu salinan bagi sijil tersebut semasa membuat dokumen tender. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisahkan hendaklah dimasukkan ke dalam sumpul surat bermeterai dan hendaklah dihantar secara serahan tangan dengan dimasukkan ke dalam peti sebuturga di alamat

PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA
TINGKAT 8, MENARA PERTAM (WISMA AMANAH), JALAN BPP 2,
TAMAN BATU BERENDAM PUTRA, BATU BERENDAM, 75350 MELAKA
TEL : 06-3372111
FAX : 06-3372020

Atlet Melaka tertekan?

Mohamad Fazrul Abdul Majid

FAKTOR tekanan emosi dalam kalangan atlet di negeri ini menjadi antara cabaran yang perlu dihadapi Majlis Sukan Negara (MSN) Negeri Melaka, sejak akhir-akhir ini.

Pemangku Pengarhnya Tan Gek Chu berkata, perkara itu antara yang menjadi kerisauan susulan pengumuman pembatalan Sukan Malaysia (Sukma) 2020 dan ditambah lagi dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) hampir di seluruh negara.

"Sudah pastinya pembatalan Sukma menjelaskan persiapan atlet dari segi mental dan fizikal. Ditambah pula dengan penguatkuasaan PKPB sekarang.

"Boleh dikatakan peningkatan stres dalam kalangan atlet menjadi kerisauan pihak MSN Melaka berbanding dengan pencapaian prestasi dan stamina mereka pada ketika ini," katanya kepada MHI.

Bagaimanapun, Gek Chu berkata, pihaknya enggan memandang dari sisi negatif sebaliknya menganggap apa yang berlaku sepanjang tahun ini mempunyai hikmah yang tersendiri.

Ujarnya, di sebalik penangguhan ini membolehkan pihak jurulatih merangka semula pelan perancangan yang lebih terancang sepanjang tahun 2021 dan 2022, jika dibandingkan dengan perancangan 2020.

"Tahun 2020 yang tidak menentu dan begitu mencabar

"Melihat kepada perspektif yang lebih positif, penangguhan ini membolehkan pihak jurulatih merangka semula pelan perancangan yang lebih terancang sepanjang tahun 2021 dan 2022, jika dibandingkan dengan perancangan 2020.

buat semua selepas penguatkuasaan PKP, PKPD, PKPB, serta PKPP yang telah banyak menjelaskan konsistensi program latihan atlet," katanya lagi.

Baru-baru ini, Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican mengumumkan pembatalan Sukma dan Para Sukma

Johor 2020 atas faktor pandemik COVID-19 masih belum menunjukkan tanda-tanda akan reda sehingga tahun depan.

Reezal Merican dipetik berkata, pihak kementerian juga berdepan kesukaran untuk memberi jaminan keselamatan kesihatan kepada hampir 30,000 yang terlibat

// Di sebalik penangguhan Sukma 2020 dan apa yang berlaku, ia diyakini dapat memberi lebih banyak peluang kepada semua yang terlibat untuk memperkasakan perancangan masing-masing ke arah yang lebih baik untuk tahun mendatang. //

ATLET Melaka dikhawatir kian tertekan selepas tidak dapat beraksi dalam pelbagai kejohanan dalam dan luar negara tahun ini. (Foto Sumber Facebook MSN Melaka)



Atlet Para Sukma Melaka terkilan

SEDIH dan terkilan. Itulah perasaan yang dapat diungkapkan seorang atlet Para Sukan Malaysia (Sukma) yang mewakili Melaka dalam acara balapan.

Ia selepas Kementerian Belia dan Sukan mengumumkan pembatalan Sukma dan Para Sukma 2020 di Johor akibat ketidaktentuan penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Atlet olahraga negeri Muhammad Hafiq Hizwan Norizan yang sepatutnya beraksi dalam acara 100 meter, 200 meter dan 400 meter di Para Sukma berkata, dia bagaikan tidak menyangka persiapan yang dilakukannya selama ini berakhir dengan sia-sia apabila tidak dapat beraksi.

Katanya, dia sudah membayangkan tiga pingat akan dibawa pulang ke bumi bersejarah Melaka dalam temasya itu nanti, namun harapan itu terkubur selepas mendapat tahu mengenai pembatalan tersebut di media sosial.

"Semangat saya memang sangat tinggi untuk temasya itu. Saya sudah 80 peratus bersedia dari segi mental dan fizikal dan meletakkan sasaran untuk meraih tiga pingat, tidak kira laju apa warna sekali pun."

"Tapi bila sudah jadi macam ini, nampaknya saya terpaksa menunggu dua tahun lagi untuk merealisasikan impian tersebut," katanya.

Bagaimanapun, Muhammad Hafiq Hizwan berkata, dirinya akur dengan keputusan tersebut memandangkan faktor kesihatan dan keselamatan semua adalah lebih sepanjang tempoh sukar ini.

Menurutnya, disebabkan keputusan itu, semua latihan pusat yang sepatutnya diadakan dalam masa terdekat telah ditangguhkan.

Justeru, dia kini terpaksa kembali menjalani tugas hakikinya sebagai penghantar makanan dan pada masa sama tetap menjalani latihan sendiri untuk mengekalkan stamina.

"Apa boleh buat, kami mesti meneruskan kehidupan dan sentiasa menjalani latihan untuk mengekalkan stamina."

"Saya difahamkan jika COVID-19 reda, mungkin akan ada kejohanan sirkit secara kecil-kecilan. Itulah tapak untuk memastikan kami terus mengekalkan prestasi sebelum menunggu edisi Para Sukma akan datang yang dijangka pada 2022," katanya lagi.

Untuk rekod, pada edisi Para Sukma 2018 di Perak sebelum ini, Muhammad Hafiq Hizwan berjaya membawa pulang dua pingat gangsa dalam acara 200 meter dan 400 meter.

MUHAMMAD Hafiq Hizwan menunjukkan memori indahnya meraih pingat gangsa di Para SUKMA Perak, dua tahun lalu.

PAYA RUMPUT 9 Nov. - Ketua Jurulatih Melaka United Zainal Abidin Hassan menyerahkan nasibnya kepada pihak pengurusan selepas gagal membantu kemaraan pasukan dalam kempen Piala Malaysia 2020.

Menurutnya, tiada alasan boleh diberikan terhadap prestasi terumbang-ambing yang ditampilkan sepanjang musim ini, namun beliau tetap menzahirkan rasa gembira sepanjang memimpin pasukan selama dua musim.

"Memang kita ada terumbang-ambing sedikit sepanjang musim ini terutama berdepan saingan Liga (Liga Super) yang pendek dan sebab itu kita telah mencuba beberapa taktikal. Ada yang menjadi, ada yang tidak."

"Apa selepas ini? Saya rasa saya nak berehat dululah. Saya serahkan segala-galanya kepada pihak pengurusan untuk (masa depan) pasukan," katanya dalam sidang media selepas perlawanan.

Semalam, skuad kendaliannya tewas 1-2 di tangan Selangor dalam aksi pusingan pertama Piala Malaysia di Stadium Hang Jebat, sekali gus meleburkan harapan skuad Hang Tuah untuk mara lebih jauh dalam edisi kali ini.

Zainal berkata, kekalahan itu bukanlah hadiah hari jadi yang diinginkannya, namun tetap memuji semangat yang ditunjukkan pemain untuk mencari gol kemenangan.

"Saya mengimpikan hadiah hari terbaik, tetapi kita tidak bernasib baik. Apa pun, saya tetap ada rasa berpuas hari terutama dengan semangat yang ditampilkan pasukan."

"Selepas mendapat gol pertama, kita

"Saya nak berehat dulu"

berjaya menguasai permainan dalam 25 minit terakhir, namun kegagalan mengambil peluang terhidang membuatkan kita tidak berjaya," ujarnya.

Dalam pada itu, Zainal turut menepis spekulasi mengaitkan aksi hambar Melaka United musim ini berpunca daripada masalah gaji.

"Itu (masalah gaji) tiada kaitan dengan prestasi kerana anda sendiri boleh lihat pemain bertungkus-lumus hingga penamat musim," katanya lagi.

// kekalahan itu bukanlah hadiah hari jadi yang diinginkannya, namun tetap memuji semangat yang ditunjukkan pemain untuk mencari gol kemenangan. //





Foto sumber : MSN MELAKA

SUSULAN pembatalan SUKMA 2020 yang diumumkan baru-baru ini, MSN Melaka melahirkan kerisauan dengan peningkatan stres dalam kalangan atlet berbanding dengan pencapaian prestasi dan stamina mereka pada ketika ini.

MS23

Atlet Para Sukma Melaka terkilan



MS23

Zainal
serah
pada nasib

MS23

